

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI SELASA : 12 MAC 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rasional penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) sedangkan sebelum ini Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan (CEP) yang membawa pembentukan Kabinet yang sedang berfungsi sekarang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Saya mohon menjawab pertanyaan ini bersama lima pertanyaan lain yang berkaitan dengan penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi (dengan izin *Economic Action Council* atau (EAC)) yang diutarakan oleh **Yang Berhormat Tambun** bertarikh 12 Mac 2019, **Yang Berhormat Parit**, bertarikh 13 Mac 2019, **Yang Berhormat Kuala Nerus** bertarikh 25 Mac 2019, **Yang Berhormat Kapit** bertarikh 26 Mac 2019 dan **Yang Berhormat Ketereh** bertarikh 2 April 2019.
2. Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan EAC pada 11 Februari 2019 berdasarkan situasi semasa dan sebagai respons untuk menangani masalah mendesak yang melibatkan kepentingan sosioekonomi rakyat. EAC akan meneliti dan membuat keputusan berkaitan hal ehwal ekonomi, kewangan serta kebajikan rakyat.
3. EAC juga berperanan untuk mendapatkan input, pandangan dan cadangan daripada semua kelompok pemegang taruh termasuk pakar-pakar daripada pelbagai bidang di luar Kerajaan. Kombinasi input serta pandangan swasta dan kerajaan akan membolehkan satu penyelesaian yang holistik, seterusnya akan memberi manfaat yang optimum kepada rakyat.
4. Matlamat utama EAC ini adalah untuk merancakkan dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan, pengagihan kekayaan yang saksama dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat. EAC juga akan memberi tumpuan kepada isu-isu kritikal seperti mengurangkan kos sara hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan meningkatkan pemilikan rumah. EAC adalah suatu badan yang bersifat *action-oriented* dalam menyelesaikan isu-isu tersebut.
5. Bagi mencapai hasrat ini, keanggotaan EAC yang terdiri daripada anggota pentadbiran, wakil sektor swasta dan ahli akademik akan dapat menggabungkan pandangan dan input dalam merencana strategi untuk merancak dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu, pandangan daripada kedua-dua sektor awam dan swasta akan membantu Kerajaan dalam merangka

NO SOALAN: 1

pelan strategi yang komprehensif untuk menangani isu semasa yang dihadapi oleh rakyat.

6. Keanggotaan EAC juga mengambil kira dasar Kerajaan untuk memastikan pembangunan yang merentasi wilayah dan bersifat inklusif. Justeru, EAC juga dianggotai oleh Ahli Jemaah Menteri daripada Sabah dan Sarawak serta wakil kaum Orang Asli.
7. Untuk memastikan EAC dapat berfungsi dengan efektif dan berkesan, YAB Perdana Menteri telah bersetuju Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menggalas tanggungjawab sebagai sekretariat Majlis ini. Tertakluk kepada persetujuan YAB Perdana Menteri, Kementerian akan mencadangkan jawatankuasa eksekutif yang bertanggungjawab untuk membuat analisis isu semasa sosioekonomi dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada EAC dan mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan. Bagi membantu jawatankuasa eksekutif, beberapa kumpulan kerja (*working group*) akan dibentuk berdasarkan isu yang dikenalpasti.
8. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh persoalan yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Tambun** sama ada terdapat sebarang perancangan untuk melibatkan Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam keanggotaan EAC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, EAC dianggotai oleh 17 orang ahli termasuk YAB Perdana Menteri selaku pengerusi serta ahli-ahli lain yang merangkumi beberapa YB Menteri Persekutuan, tokoh ekonomi, pemimpin industri dan ahli-ahli akademik. Walau bagaimanapun, Menteri Besar atau Ketua Menteri akan dijemput untuk menghadiri Mesyuarat EAC mengikut keperluan dari masa ke masa berdasarkan isu dan perkara yang dibentang atau dibincangkan dalam mesyuarat tersebut.
9. Berkaitan persoalan yang dibangkitkan oleh **Yang Berhormat Bukit Bintang, Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Ketereh**, fungsi Majlis Penasihat Kerajaan atau dengan izin *Council of Eminent Persons* (CEP) yang ditubuhkan pada 12 Mei 2018 adalah berbeza dengan EAC. Fungsi utama CEP adalah memberi nasihat kepada YAB Perdana Menteri dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi

NO SOALAN: 1

perhatian dalam tempoh peralihan kuasa. Peranan CEP adalah hanya dalam kapasiti penasihat ataupun *advisory* tanpa sebarang kuasa eksekutif.

10. Seperti mandat yang diberikan, CEP telah mengemukakan laporan kepada YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2018 untuk pertimbangan Kerajaan. CEP telah memainkan peranan yang amat berkesan dalam meneliti dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk meletakkan kembali ekonomi negara pada asas yang betul.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
12 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
[Bera]**

TARIKH : 12 Mac 2019

SOALAN NO. 2

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob minta MENTERI PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :**

- a) adakah Kementerian masih bercadang untuk meneruskan insentif kepada nelayan seperti bantuan sara hidup, insentif pendaratan dan subsidi diesel; dan
- b) jika ya, berapa jumlah pemberian insentif diperuntukkan bagi setiap insentif tersebut serta apakah strategi Kementerian untuk menambahkan pendapatan nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon **soalan ini dijawab bersama 8 soalan lain** kerana menyentuh isu yang sama berkaitan status pemberian insentif dan subsidi serta mekanisme pemutihan kepada pesawah dan nelayan seperti berikut:

- i. 14 Mac 2019 oleh YB Dungun;
- ii. 27 Mac 2019 oleh YB Kampar;
- iii. 27 Mac 2019 oleh YB Pasir Salak;
- iv. 28 Mac 2019 oleh YB Lenggong;
- v. 28 Mac 2019 oleh YB Baling;
- vi. 1 April 2019 oleh YB Permatang Pauh;
- vii. 8 April 2019 oleh YB Papar; dan
- viii. 11 April 2019 oleh YB Jempol;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih lagi meneruskan pemberian insentif dan subsidi kepada pesawah dan nelayan berdasarkan peruntukan kewangan semasa.

Bagi sektor perikanan, Kerajaan masih meneruskan bantuan berbentuk subsidi dan insentif seperti berikut:

- i. Sejumlah RM70 juta telah diperuntukkan bagi pemberian elaun sara hidup (ESH) sebanyak RM200 sebulan kepada pemilik vesel zon A, pekerja di atas vesel zon A, B, C dan C2;

SOALAN NO : 2

- ii. Sejumlah RM3.5 juta bagi pemberian ESH sebanyak RM200 sebulan kepada kepada nelayan darat;
- iii. Sejumlah RM17 juta bagi insentif hasil tangkapan ikan (IHTI) sebanyak 10 sen bagi setiap kilogram hasil tangkapan yang didaratkan kepada nelayan zon A, B dan C; dan
- iv. Meneruskan pemberian subsidi petrol dan diesel pada kadar RM1.65 per liter berdasarkan kuota.

Bagi **sektor padi dan beras**, Kerajaan masih menyediakan peruntukan pada tahun 2019 bagi program subsidi dan insentif seperti berikut:

- i. Sejumlah RM232.5 juta bagi **Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)**;
- ii. Sejumlah RM281.5 juta bagi **Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)**;
- iii. Sejumlah RM75 juta bagi **Insentif Benih Padi Sah (IBPS)** dengan; dan
- iv. Sejumlah RM516.5 juta bagi **Skim Subsidi Harga Padi** di mana jumlah insentif telah dinaikkan sebanyak RM60 daripada RM300/mt kepada RM360/mt.

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan kes perceraian tidak tertunda di mahkamah dan kepatuhan dalam pemberian hak kepada pasangan serta anak ditunaikan.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) atau Mahkamah Syariah Negeri (MSN) telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan proses kes-kes perceraian dapat diselesaikan dengan berkesan. Antara langkah-langkah yang telah dilakukan adalah seperti berikut :

- 1) Mewujudkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah mengenai pendengaran kes pengesahan lafaz cerai dan kes perceraian dengan talak pada hari pendaftaran serta had masa sebutan dan perbicaraan di Mahkamah Syariah. Arahan Amalan tersebut adalah seperti berikut :
 - 1.1) **Arahan Amalan No. 8 Tahun 2011 : Pendengaran Pengesahan Lafaz Cerai Pada Hari Pendaftaran dan Arahan Amalan Amalan No. 9 Tahun 2011 : Pendengaran Perceraian Dengan Talak Pada Hari Pendaftaran.** Kedua-dua Arahan Amalan tersebut diwujudkan bagi membolehkan kes dibicarakan pada hari pendaftaran dengan syarat semua tatacara adalah lengkap dan dengan kehadiran kedua-dua belah pihak; dan
 - 1.2) **Arahan Amalan No. 2 Tahun 2013 : Had Masa Sebutan Dan Perbicaraan.** Arahan Amalan ini diwujudkan bagi menetapkan sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes adalah 180 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar.
- 2) Memperkenalkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah berhubung dengan garis panduan kes perceraian ta'liq, pengesahan cerai luar mahkamah dan tebus talaq (*khulu'*) sebagai panduan kepada hakim untuk mengendalikan kes-kes

tersebut dengan lebih berkesan. Arahan Amalan yang dimaksudkan tersebut adalah seperti berikut :

2.1) **Arahan Amalan No. 8 Tahun 2007 : Amalan Perceraian Ta'liq;**

2.2) **Arahan Amalan No. 10 Tahun 2007 : Amalan Pengesahan Di Luar Dan Tanpa Kebenaran Mahkamah; dan**

2.3) **Arahan Amalan No. 17 Tahun 2007 : Amalan Khulu' atau Tebus Talaq.**

3) Selain daripada itu, usaha-usaha juga turut dilakukan oleh Mahkamah Syariah di Negeri-Negeri bagi mempercepatkan penyelesaian kes melalui beberapa program inovasi antaranya seperti berikut :

3.1) Permohonan cerai **Fast Track** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Ia dilaksanakan bagi mempercepatkan penyelesaian kes perceraian persetujuan bersama di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS) daripada sembilan puluh (90) hari ke enam (6) jam waktu bekerja;

3.2) Sistem **My solve** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak iaitu pendaftaran *Online* bagi kes perceraian di bawah Seksyen 47 dan Pengesahan

Lafaz Cerai di bawah Seksyen 57 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004. Sistem ini dapat menyelesaikan kes perceraian selepas tiga (3) hari kes didaftarkan dengan syarat semua tatacara adalah lengkap dan dengan kehadiran kedua-dua belah pihak;

3.3) Sistem ***E-SIAP (E-Shariah Instant Access Procedure)*** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes persetujuan bersama termasuklah kes-kes perceraian dalam tempoh satu (1) hari, iaitu bermula dari proses penyediaan pliding sehingga pengeluaran perintah Mahkamah; dan

4. Berhubung dengan kepatuhan dalam pemberian hak kepada pasangan serta anak ditunaikan, antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut :

4.1. **Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah diwujudkan pada tahun 2008** dan pegawai-pegawai ditempatkan di semua Negeri bagi membantu mahkamah Syariah menguatkuasa dan melaksanakan perintah nafkah;

4.2. **Sistem E-nafkah telah diwujudkan bagi memantau pelaksanaan perintah nafkah** yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah;

4.3. **Cadangan pewujudan Mahkamah Tinggi Syariah Bahagian Hadhanah & Nafkah dan Mahkamah Rendah**

Syariah Bahagian Nafkah di Wilayah Persekutuan.

Cadangan inisiatif ini diwujudkan bagi memberikan tumpuan khusus kepada kes-kes hadhanah dan nafkah di Wilayah Persekutuan; dan

- 4.4. **Cadangan pelaksanaan sekatan bank bagi suami/bapa yang ingkar membayar nafkah kepada isteri, bekas isteri atau anak-anak.** Buat masa ini, perbincangan dengan agensi-agensi berkaitan sedang diadakan bagi memastikan mekanisma pelaksanaan proses penguatkuasaan sekatan bank tersebut adalah selari dengan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh :

Tandatangan :
Nama Pegawai : Tuan Hj. Che Saupi bin Che Husin
Jawatan : Pengarah Bahagian Dasar Dan Penyelidikan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
No Telefon : 03-8870 9200 ext 333 / 012-2429395

Disemak oleh :

Tandatangan :
Nama Pegawai : Puan Laila Khalidah binti Ismail
Jawatan : Pengarah Kanan Pengurusan
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
No Telefon : 03- 8870 9200 ext 320 / 019-3177383

Dipersetujui oleh :

Tandatangan :
Nama Pegawai : YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim
Jawatan : Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
No Telefon : 03-8870 9200 ext 300 / 019-6635448

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Antara punca kes-kes perceraian lambat selesai adalah kerana terdapat prosiding dan tatacara undang-undang yang perlu dipatuhi dalam proses perceraian di Mahkamah Syariah antaranya seperti berikut :-
 - 1.1. Proses penyampaian saman luar bidang kuasa (antara negeri atau luar negara) yang mengambil masa untuk disempurnakan.
 - 1.2. Saman gagal disempurnakan secara kediri kepada Defendan berikutan alamat yang tidak lengkap / tidak wujud dan kes terpaksa ditangguhkan bagi penyampaian secara ganti mengikut tatacara undang-undang.
 - 1.3. Defendan (suami) tidak hadir dan untuk memberikan keterangan di Mahkamah terutamanya bagi kes permohonan perceraian dengan talak dan pengesahan lafaz cerai.
 - 1.4. Permohonan penangguhan kes oleh pihak-pihak atau peguam Syarie di saat-saat akhir atas sebab yang tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit, bertugas di luar kawasan (*outstation*) dan sebagainya.
 - 1.5. Komitmen dan kesesuaian saksi pihak-pihak untuk hadir perbicaraan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.

2. Bilangan kes selesai melalui *Fast Track* tahun 2015 hingga 2018.

BIL	LOKASI	2015	2016	2017	2018	jumlah
1	MRS KLANG	99	500	456	302	1357
2	MRS SHAH ALAM	80	248	165	154	647
3	MRS PETALING JAYA	201	563	306	291	1361
4	MRS GOMBAK TIMUR	48	215	159	126	548
5	MRS GOMBAK BARAT	166	412	238	263	1079
6	MRS AMPANG	52	158	105	78	393
7	MRS HULU LANGAT	140	460	317	400	1317
8	MRS SEPANG	111	230	120	102	563
9	MRS HULU SELANGOR	60	161	74	232	527
10	MRS KUALA LANGAT	107	222	122	133	584
11	MRS KUALA SELANGOR	24	188	108	110	430
12	MRS SABAK BERNAM	61	162	68	74	365
	JUMLAH KESELURUHAN	1149	3519	2238	2265	9171

**KESELURUHAN KES PEMBUBARAN PERKAHWINAN YANG DIFAILKAN
2015 HINGGA 2018 DI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR**

Jenis Kes Kod	2015	2016	2017	2018	Jumlah
(014) Fasakh	1746	1866	1501	1,309	6422
(054) Pengesahan Cerai	4569	4320	4074	4,050	17013
(055) Permohonan Cerai	5320	6125	6464	6,390	24299
(056) Tebus Talaq	37	30	25	24	116
(057) Ta'liq	224	172	139	87	622
Jumlah	11896	12513	12203	11860	48472

3. Fungsi penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah oleh BSK dilaksanakan melalui mekanisme yang berikut :

- 3.1. pegawai BSK diberikan tauliah sebagai peguam Syarie dan bailif oleh pihak berkuasa Negeri-Negeri kecuali Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor; dan

- 3.2. pendahuluan nafkah (bersifat *revolving fund* yang disalurkan oleh Kerajaan) dan bantuan nafkah (yang disalurkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri) kepada penghutang penghakiman (isteri/ bekas isteri) yang tidak berkemampuan (iaitu yang berada di bawah *had kifayah*) selama tempoh 6 bulan selepas kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah didaftarkan di mahkamah Syariah. Jumlah pendahuluan nafkah tersebut adalah mengikut jumlah yang dinyatakan dalam perintah nafkah oleh mahkamah Syariah
4. Bagi membolehkan pelanggaran perintah nafkah diambil tindakan dengan segera, JKSM telah mewujudkan sistem e-nafkah pada tahun 2012 yang mana sistem tersebut diintegrasikan dengan sistem e-syariah. Melalui integrasi sistem tersebut, BSK dapat memantau mana-mana perintah nafkah yang tidak dipatuhi.
5. Sekiranya didapati berlaku pelanggaran perintah nafkah dan pemiutang penghakiman berhasrat untuk mengambil tindakan mahkamah, pegawai BSK yang diberi tauliah sebagai peguam Syarie akan memberikan khidmat guaman kepada pemiutang penghakiman dalam prosiding penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah.
6. Selepas mahkamah Syariah mengeluarkan perintah penguatkuasaan melalui apa-apa cara yang ditetapkan oleh undang-undang (seperti perintah penyitaan dan penjualan), pegawai BSK yang diberi tauliah sebagai bailif pula akan membuat

pelaksanaan perintah mengikut cara-cara pelaksanaan yang diperintahkan oleh mahkamah.

7. Jumlah kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah yang dikendalikan oleh Bahagian Sokongan Keluarga dari tahun 2015 hingga 2018 adalah sebanyak 5810 kes. Manakala jumlah penerima pendahuluan nafkah dan bantuan nafkah setakat ini pula sebanyak 1118 orang melibatkan pendahuluan nafkah berjumlah RM2,148,104.00.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN :

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan statistik jumlah pekebun getah dan dana yang telah dikeluarkan dalam tuntutan insentif pengeluaran getah (IPG) dari tahun 2017 hingga kini. Apakah halangan IPG untuk dapat dilaksanakan seperti yang disasarkan.

JAWAPAN:

Selaras dengan pewartaan pindaan Peraturan-peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah memperkenalkan sistem Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G) di mana setiap pekebun kecil getah yang memiliki kebun getah dan mengusahakan sendiri atau mengusahakan kebun orang lain dalam satu negeri yang jumlah keseluruhannya tidak melebihi 40.46 hektar adalah wajib untuk memiliki permit PAT-G. Sehubungan itu, statistik jumlah pekebun kecil getah mengikut status pemilikan permit PAT-G yang telah didaftarkan sehingga Disember 2018 adalah sebanyak **303,452** di Semenanjung, manakala **158,747** di Sabah dan Sarawak. Justeru, jumlah keseluruhan pekebun kecil di Malaysia adalah berjumlah **462,199**.

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, IPG mula dilaksanakan pada 1 September 2015. Bermula dari 1 September 2015 sehingga 31 Disember 2018, dana yang dikeluarkan oleh Kerajaan adalah berjumlah **RM113,368,857.58** bagi **206,897,417** kilogram getah merangkumi **1,042,623** tuntutan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak menerusi agensi pelaksana IPG masing-masing iaitu LGM, LIGS dan JPS.

Halangan atau cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan dalam melaksanakan IPG adalah seperti berikut:

- (a) Kadar tuntutan IPG masih rendah;
- (b) Tidak tahu mengenai pengaktifan IPG;
- (c) Kesilapan dalam membuat tuntutan;
- (d) Kesulitan dalam menghantar borang tuntutan IPG; dan
- (e) Tidak mempunyai dokumen yang lengkap seperti kad PAT-G, dan resit jualan getah.

Justeru, pihak Kementerian Industri Utama (MPI) melalui agensi Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan terus berusaha untuk menambahbaik sistem pelaksanaan IPG dari semasa ke semasa agar tuntutan yang dibuat oleh golongan pekebun kecil getah dapat ditingkatkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan jangka pendek dan panjang untuk mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja khususnya di tapak pembinaan, serta bilangan syarikat yang telah diambil tindakan mahkamah dari tahun 2000 sehingga 2019 mengikut pecahan tahun termasuk yang telah berlaku di Perai pada 15 Februari 2019.

PN-1412- L03825

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan statistik sektor pembinaan tahun 2017, terdapat 4,266 orang terlibat dengan kemalangan di tapak bina, dan 183 daripadanya adalah maut.
2. Kadar kemalangan pekerjaan di sektor pembinaan, ialah 3.40 per 1,000 pekerja, manakala kadar kematian pekerjaan ialah 14.57 per 100,000 pekerja di sektor pembinaan.
3. Tindakan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Perkerjaan (JKKP) untuk mengurangkan kadar kemalangan di tapak pembinaan ialah seperti berikut:

a) Operasi Khas Cegah Jatuh

94 tapak pembinaan seluruh Malaysia diperiksa. Hasilnya, sebanyak 966 tindakan punitif telah dikenakan termasuk sita tempat kerja, notis larangan kerja, tindakan kompaun dan pendakwaan;

b) Meningkatkan bilangan aktiviti penguatkuasaan

10,917 pemeriksaan dibuat pada tahun 2018.

c) Mengambil tindakan punitif

Pada tahun 2018, sebanyak 113 kes pendakwaan, 740 kompaun, 9,429 notis telah dikeluarkan.

d) Menubuhkan Safety Patrol Unit

Di setiap JKPP negeri bagi membuat pemantauan tapak pembinaan pada waktu siang dan malam;

e) Menggubal dan menambahbaik perundangan

f) Menerbitkan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (OSHCIM) 2017.

Garis panduan ini menitikberatkan tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, perekabentuk dan pembina atau kontraktor di awal peringkat pembinaan sehinggalah ke peringkat perobohan. Sama seperti dilaksanakan di United Kingdom, Singapura dan lain-lain negara maju.

g) Menggubal Peraturan Kerja Bina

Di bawah pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) untuk menjadikannya mandatori kepada pemunya, perekabentuk, pembina dan kontraktor.

SOALAN NO: 5

h) Menjalankan kerjasama dengan pelbagai pemegang taruh (*stakeholder*) yang terdiri daripada agensi kerajaan, badan profesional, institut penyelidikan / pendidikan, serta persatuan majikan dan kesatuan sekerja.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 12 MAC 2019

**SOALAN : Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin
Tuanku Jaafar [Santubong]** minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan terma rujukan untuk perbincangan untuk perjanjian bekalan
air di antara Malaysia dan Singapura sebagai garis panduan
perbincangan nanti. Adakah terma rujukan sudah disetujui kedua-dua
belah pihak. Apakah indikasi awal dari Singapura

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : Dato' Sri Bung Moktar bin Radin
[Kinabatangan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:

- a) apakah status terkini rundingan semakan semula harga air mentah Malaysia-Singapura; dan
- b) apakah keputusan yang telah dibuat setelah rundingan tersebut dijalankan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG [MARANG]**

TARIKH : 13 MAC 2019

**SOALAN : Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
[Marang] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah status
rundingan dengan Singapura dalam semakan semula harga air.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 20 MAC 2019

SOALAN : Dato' Takiyuddin bin Hassan
[Kota Bharu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil rundingan semula pihak Kerajaan dengan negara Singapura berhubung semakan harga air mentah yang dijual kepada negara tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ANIFAH BIN AMAN [KIMANIS]

TARIKH : 26 MAC 2019

SOALAN : Dato' Sri Anifah bin Aman [Kimanis] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah kemajuan yang hendak dicapai di dalam perundingan isu air dengan Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Santubong** di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan **Yang Berhormat Santubong** bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh **Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Marang** bertarikh **13 Mac 2019**; **Yang Berhormat Kota Bharu** bertarikh **20 Mac 2019**; dan **Yang Berhormat Kimanis** bertarikh **26 Mac 2019** kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sekalian di atas pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Adalah menjadi teras keutamaan kita untuk memuktamadkan rundingan air ini dengan pihak Singapura dengan segera. Malah tindakan Kerajaan Malaysia kini adalah jauh lebih proaktif berbanding kerajaan terdahulu. Proses perbincangan isu ini, yang sudah lama tertangguh, dimulakan kembali sejak Julai 2018 iaitu semasa lawatan rasmi YB Menteri Luar Negeri ke Singapura pada 30-31 Julai 2018.

4. YAB Perdana Menteri juga telah menzahirkan isu ini dengan Perdana Menteri Singapura semasa lawatan rasmi beliau ke Singapura pada 12-13 November 2018. Kedua-dua pemimpin telah bersetuju supaya Malaysia dan Singapura memulakan perbincangan berkenaan isu air; kedua-dua Peguam Negara bertemu untuk berbincang sudut perundangan mengenai cadangan semakan harga air mentah yang dibekalkan dari Malaysia ke Singapura berdasarkan Klausula 14, Perjanjian Air Sungai Johor 1962 (Perjanjian 1962); dan satu ketetapan dapat dipersetujui oleh kedua-dua negara bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk menyelesaikan isu air tersebut. Saya juga telah membangkitkan isu ini dengan Menteri Luar Singapura semasa Lawatan Kerja saya ke Singapura pada 8 Januari 2019 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Baru-baru ini Menteri Luar Negeri Singapura di Parlimen Singapura telah mengkritik secara ekstrem dan menuduh Malaysia tidak menghormati Perjanjian 1962. Beliau juga telah memutarbelitkan fakta sejarah dan sengaja membuat kenyataan yang salah iaitu menyatakan Malaysia telah kehilangan hak untuk menyemak semula harga air setelah tidak berbuat demikian pada tahun 1986 dan 1987.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Hak Malaysia untuk menyemak semula harga air tidak boleh dipertikaikan oleh Kerajaan Singapura. Klausula 14 di bawah perjanjian itu jelas memperuntukkan bahawa harga air yang dibeli dari Malaysia "*shall be subject to review after the expiry of 25 years from the date of these presents...*". Saya pun tidak tahu Bahasa Inggeris mana yang

NO. SOALAN : 6

mereka guna hinggakan intepretasi atau tafsir Klausa 14 yang mereka gunakan sangat tidak masuk akal.

7. Sepanjang sejarah, Malaysia sentiasa menghormati dan tidak pernah melanggar terma-terma dalam Perjanjian 1962. Kerajaan Malaysia, walau bagaimanapun, secara konsisten tetap menegakkan pendirian bahawa Malaysia mengekalkan hak untuk semakan harga air mentah yang dijual kepada Singapura, selepas 25 tahun Perjanjian 1962 berkuatkuasa.

8. Apa yang diperhatikan, setiap kali Malaysia meminta untuk menyemak semula harga air yang dibeli dengan harga yang sangat tidak munasabah itu, pihak Singapura akan mengelak dan berdolak dalik dengan berbagai taktik. Cuba bayangkan, sejak tahun 1962, Singapura telah mengekstrak sebanyak 250 million gelen sehari dari Johor dengan kadar hanya 3 sen setiap seribu gelen.

9. Johor sendiri jual kepada Melaka dengan harga 50sen setiap seribu gelen. Singapura beli sangat murah dari kita tetapi menjualnya semula dengan harga yang mahal kepada kita dan kepada pasaran domestik mereka. Mereka mengaut keuntungan beratus juta sejak dari perjanjian 1962 ditandatangani dengan modal yang tersangat murah. Kerana sikap “kiasu” yang menebal, mereka enggan menyemak kadar ini walaupun mereka tahu harga ini sangat tidak berpatutan sekarang.

10. Akhirnya, semasa pertemuan YAB Perdana Menteri dan Perdana Menteri Singapura pada November 2018, mereka tidak dapat beralih lagi dan terpaksa bersetuju untuk berbincang mengenai isu ini. Tetapi tiba-tiba Menteri Luar Singapura menghentam pemimpin kita di Parlimen

mereka dengan mengatakan kita tidak menghormati dan telah melanggar perjanjian 1962 disamping berbagai tuduhan yang tidak berasas. Nampak jelas ini bukan sikap jiran yang baik.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Kerajaan kita tahu, pemimpin-pemimpin Singapura sebenarnya sangat takut untuk menerima hakikat bahawa mereka juga mesti menghormati hak Malaysia untuk menyemak semula harga air mentah yang dibeli dari kita seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian tersebut.

12. Kita juga tahu, Singapura akan terus melontarkan berbagai tohmahan yang tidak berasas sekali, namun kita akan terus memperjuangkan hak kita. Kita juga sedar, semua kritikan yang dibuat terhadap kerajaan Malaysia hanyalah taktik politik untuk mengelabui mata masyarakat Singapura dan antarabangsa dari isu yang sebenarnya iaitu **Malaysia berhak untuk menyemak semula Perjanjian 1962**. Kita juga sedar isu air ini juga akan dijadikan “modal” pemimpin mereka untuk menang dalam pilihanraya Singapura yang akan berlangsung tidak lama lagi.

Tuan Yang Di-Pertua,

13. Kerajaan Malaysia sentiasa berpegang teguh dengan prinsip jalinan persahabatan yang baik dengan semua negara, termasuk Singapura. Walaupun dikritik dengan cara yang tidak adil, Malaysia akan tetap meneruskan pendekatan yang terbaik untuk mencari penyelesaian bersama melalui perbincangan dan proses rundingan.

NO. SOALAN : 6

14. Walaupun mendapat tentangan hebat, Kerajaan sedar, isu semakan harga air ini perlu diselesaikan dengan pendekatan yang positif dan proaktif demi kepentingan negara.

15. Sehubungan ini, saya berhasrat untuk bertemu dengan Menteri Luar Singapura dalam masa terdekat untuk mencari penyelesaian terbaik dan hala tuju isu ini. Ini termasuk kemungkinan merujuk pertikaian ini kepada proses timbang tara (arbitration) sewajarnya seperti yang termaktub dalam Perjanjian 1962, sekiranya perlu.

Tuan Yang di-Pertua,

16. Ingin saya tekankan disini Kerajaan Malaysia tidak akan mengalah dan akan terus menuntut haknya di bawah Perjanjian Air 1962 dan mencari penyelesaian yang adil untuk rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 7

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menambah guru pendidikan khas khusus bagi kanak-kanak autisme memandangkan kanakkanak ini memerlukan perhatian, penjagaan dan latihan yang khas oleh mereka yang pakar dalam memahami jiwa kanak-kanak istimewa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu guru termasuklah guru pendidikan khas. Berdasarkan situasi semasa terdapat keperluan untuk menambah bilangan guru pendidikan khas bagi mengisi kekurangan 1,943 orang guru pendidikan khas yang merangkumi kekurangan 36 orang guru di Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan 1,907 orang guru di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Untuk makluman, PPKI adalah kelas khas yang diwujudkan di sekolah arus perdana untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK).

Sehubungan dengan itu, KPM sedang melakukan usaha-usaha berikut:

1. menyusun semula guru dengan opsyen pendidikan khas;
2. menyusun semula penempatan guru pra-siswazah Opsyen Pendidikan Khas lepasan Open University Malaysia;
3. melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen (Pendidikan Khas);
4. meningkatkan kuota pengambilan guru pelatih bidang pendidikan khas di Institut Pendidikan Guru (IPG); dan
5. menempatkan guru pendidikan khas secara terbuka iaitu guru pendidikan khas keluaran IPG dan Institut Pengajian Tinggi boleh ditempatkan sama ada di sekolah rendah atau sekolah menengah berdasarkan kekosongan.

Bagi menambah bilangan guru pendidikan khas khusus bagi kanak-kanak autisme, IPG menawarkan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) bagi bidang Pendidikan Khas Autisme yang merangkumi 45 jam kredit. Kesemua kursus dalam program ini dibangunkan khusus untuk memberi ilmu dan kemahiran berkaitan bidang Pendidikan Khas Autisme kepada pelajar IPG.

Sekian, terima kasih

SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PERLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT
11 MAC HINGGA 11 APRIL 2019

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN : 8

YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan mengikut pecahan tahun yang dibuat terhadap Akaun Amanah Estet Kebankrapan di Jabatan Insolvensi Malaysia bagi tahun 2015 hingga tahun 2018 dan berapakah jumlah keuntungan yang diterima daripada pelaburan tersebut.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah pelaburan yang dibuat terhadap Akaun Amanah Estet Kebankrapan di Jabatan Insolvensi Malaysia bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM650 juta manakala jumlah faedah daripada pelaburan tersebut adalah sebanyak dua puluh empat juta tujuh ribu enam ratus empat puluh lapan ringgit dan tujuh puluh tujuh sen (RM24,007,648.77).

Pada tahun 2016 jumlah pelaburan yang ditetapkan sebanyak RM850 juta dan faedah bagi jumlah pelaburan tersebut adalah sebanyak dua puluh tujuh juta dua ratus dua puluh lima ribu empat puluh satu ringgit dan lima puluh sen. (RM27,225,041.59)

Bagi tahun 2017, jumlah pelaburan telah meningkat kepada RM1.05 bilion dengan jumlah faedah pelaburan adalah sebanyak tiga puluh tiga juta satu ratus lapan puluh lima satu ratus enam puluh lima ringgit dan lima puluh tujuh sen (rm33,185,165.57).

Manakala bagi tahun 2018, adalah sebanyak RM 1.35 bilion dan jumlah keuntungan adalah sebanyak empat puluh juta lapan ratus sebelas ribu sembilan puluh dua ringgit dan tiga puluh tujuh sen (RM 40,811,092.37)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menjayakan peraturan bebas asap rokok di kedai-kedai makan dan apakah tindakan yang perlu dilakukan pekerja kedai makan atau restoran untuk menangani pelanggan yang berdegil dan berkeras tidak mematuhi larangan tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini iaitu menyentuh berkenaan larangan merokok di tempat makan dan akan dijawab secara bersekali, bersama-sama dengan **lima (5) pertanyaan** yang lain yang juga menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan larangan merokok di tempat makan iaitu pertanyaan daripada:

- i. **13 Mac 2019 : Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tahap keberkesanan dalam penguatkuasaan kawasan larangan merokok dan adakah wujud perancangan untuk memperluas zon larangan merokok dalam masa terdekat;
- ii. **14 Mac 2019 : Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan implementasi “Smoking Ban” di seluruh negara dan langkah-langkah seterusnya untuk meningkatkan kesedaran di kalangan rakyat tentang kebaikan polisi tersebut;
- iii. **28 Mac 2019 : Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan dan langkah penguatkuasaan larangan merokok di restoran dan premis makanan, dan jumlah kompaun yang dikutip setakat ini;
- iv. **1 April 2019 : Puan Noorita binti Sual [Tenom]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan dan berapa jumlah notis amaran yang sudah dikeluarkan kepada pesalah mengikut negeri; dan

- v. **10 April 2019 : Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pewartaan kawasan larangan merokok di tempat makan awam dan penguatkuasaan larangan ini dalam mengurangkan aktiviti merokok di tempat awam.

Yang di-Pertua,

Tembakau dan produk tembakau merupakan komoditi sah yang didagangkan namun ia terbukti secara saintifik **membunuh separuh daripada penggunaanya**. Oleh itu penggunaan tembakau dan produk tembakau adalah dikawal di bawah konvensyen antarabangsa iaitu *Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* di mana Malaysia merupakan ahli parti kepada konvensyen ini semenjak 2005.

Pada 23hb September 2004, Pewartaan Kawasan Larangan Merokok di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT 2004) telah mula berkuatkuasa. Manakala, kawasan larangan merokok diperluas ke semua tempat makan dikuatkuasa mulai 1hb Januari 2019 di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2018.

Peraturan ini bertujuan untuk melindungi golongan orang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok dan membudayakan amalan tidak merokok kawasan tumpuan orang awam.

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil pendekatan "*soft approach*" (dengan izin), dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan sehingga bulan Jun 2019 bagi memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Sebagai permulaan kepada pindaan pewartaan ini, semua negeri telah melaksanakan penguatkuasaan pendidikan yang merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui

NO SOALAN : 9

edaran risalah, makluman secara individu serta makluman di media massa dan media sosial. Selain daripada edaran risalah dan makluman individu, mereka yang masih merokok di tempat larangan akan diberikan amaran secara bertulis.

Aktiviti Penguatkuasaan Pendidikan juga merangkumi aktiviti memperingatkan Tuan Punya Premis akan tanggungjawab mereka untuk meletakkan tanda larangan merokok dan memastikan tiada orang merokok sebagaimana Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004. Sehingga kini sebanyak 22,047 amaran bertulis telah dikeluarkan di mana 20,351 adalah amaran kepada Tuan Punya Premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan 1696 amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan. Mulai Julai 2019, penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan oleh 5008 pegawai kesihatan persekitaran di seluruh negara.

Sokongan serta maklumbalas positif akan pelaksanaan ini dapat dilihat di mana seramai 151,000 rakyat Malaysia telah menandatangani petisyen untuk terus komited menyokong pelaksanaan ini manakala lebih 30 badan-badan professional kesihatan dan badan-badan bukan Kerajaan akan terus membantu menyokong pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan larangan ini.

KKM juga komited untuk terus meluaskan pewartaan tempat dilarang merokok terutama di tempat-tempat awam demi melindungi kesihatan masyarakat Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMPAU]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 10

Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah butiran terperinci tatacara yang termaktub di dalam Arahan Amanah Tabung Harapan Negara (Trust Deed) dan apakah keputusan Kerajaan berhubung penggunaan wang kutipan Tabung Harapan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Tabung Harapan Malaysia (THM) telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan terikat dengan Arahan Amanahnya yang berkuat kuasa pada 17 November 2018 (pindaan pertama). Baki akhir setakat 14 Januari 2019, iaitu tarikh akhir penerimaan sumbangan ke dalam THM adalah RM202,716,775.10.

Bagi memastikan pengendalian operasi Akaun Amanah THM dapat dilaksanakan secara teratur, telus, berintegriti dan mengikut perundangan, THM adalah tertakluk kepada arahan amanahnya (*trust deed*) iaitu surat ikatan yang menjelaskan dengan terperinci mengenai tujuan penubuhannya, fungsi dan peranan Jawatankuasa Akaun yang mentadbir akaun tersebut, sumber kewangan dan penggunaan wang dalam akaun.

Antara tatacara pengurusan Akaun Amanah THM adalah seperti berikut:

- i. Keperluan bermesyuarat sekurang-kurangkan dua (2) kali setahun dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- ii. Sumber-sumber kewangan yang dikreditkan ke dalam akaun dan penggunaan wang dalam akaun adalah untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang perlu dilakukan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja dan adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Akaun yang mentadbir; dan
- iii. Pengurusan akaun amanah yang dikawal selia secara berkala oleh Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara melalui Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sesuatu *trust deed* akaun amanah adalah untuk kegunaan Jawatankuasa Akaun dan pentadbir sahaja dan

bukanlah untuk makluman umum.

Kerajaan melalui siaran media Kementerian Kewangan bertarikh 7 Februari 2019 telah memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Akaun yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan memutuskan penggunaan wang THM ini mengikut tatacara yang termaktub di dalam arahan amanahnya iaitu akan digunakan untuk pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang perlu dilakukan bagi tujuan akaun amanah ini sahaja. Di sini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menderma ke dalam Tabung Harapan untuk membayar hutang negara yang berpunca daripada skandal 1MDB.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : 11

**Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha Kerajaan menangani
masalah permohonan warga asing yang berkahwin dengan warga negara
Malaysia mendapatkan taraf penduduk tetap.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan ini *straight forward*, ia menyentuh tentang warga asing. Bila menyentuh tentang warga asing, bermakna kita setuju bahawa mereka-mereka yang dikategorikan sebagai warga asing ini adalah mereka-mereka yang mempunyai dokumen pengenalan diri daripada negara asal mereka. Jika mereka ini berada di Malaysia, bermakna mereka mempunyai kebenaran masuk untuk ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mempunyai garis panduan yang khusus bagi memproses permohonan warga asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia mengikut perundangan dan syaratsyarat yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, permohonan ini akan diteliti secara terperinci supaya ia tidak disalah guna. Sebelum seseorang mendapat taraf pemastautin tetap melalui permohonan di Jabatan Pendaftaran Negara, pemohon perlu mendapat kelulusan permit masuk daripada Jabatan Imigresen Malaysia. Pemberian permit masuk kepada warga asing adalah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 10(1) dan (2) Akta Imigresen 1959/1963, yang memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen untuk mengeluarkan permit masuk berdasarkan syarat dan prosedur yang ditetapkan. Pasangan kepada warganegara Malaysia layak dipertimbangkan. Pemberian permit masuk kerana termasuk dalam kategori orang yang dikecualikan daripada larangan kemasukan di bawah Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963. Walau bagaimanapun, permohonan permit masuk golongan ini masih tertakluk kepada

SOALAN NO : 11

syaratsyarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia seperti berikut:

- (i) pemohon perlu mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang, pasangan kepada warganegara untuk tempoh melebihi lima tahun;
- (ii) pemohon perlu mendaftar perkahwinan di Malaysia;
- (iii) pemohon perlu melepasi tapisan keselamatan halus daripada PDRM dan bebas daripada senarai syak ataupun senarai hitam daripada Jabatan Imigresen Malaysia; dan
- (iv) pemohon perlu melalui sesi temu duga dan naziran bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur.

Selain daripada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia tersebut, salah satu langkah kawalan dan pemantauan sebelum dikeluarkan permit masuk kepada pemohon adalah dengan pertimbangan pemberian pas residen. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, tiada larangan untuk rakyat Malaysia ini berkahwin, malah rakyat Malaysia boleh berkahwin di mana-mana negara di dunia, dengan syarat, perkahwinan ini perlulah didaftarkan di pejabat-pejabat konsulat di mana pasangan ini berkahwin. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID

[KEMAMAN – PAS]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah penstrukturan baru terhadap program Podium bagi meningkatkan kualiti atlet negara berhadapan kejohanan-kejohanan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN) telah melakukan penstrukturan semula program latihan Podium dan Kita Juara pada November 2018.
2. Program baru ini memberi penekanan kepada prestasi atlet (*performance base*) berdasarkan sasaran pingat di temasya Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan SEA. Prestasi atlet akan dijadikan penentu kepada imbuhan latihan atlet. Manakala, bagi sukan-sukan yang tidak dipertandingkan di peringkat Olimpik pula, pihak Kementerian akan memberi perhatian kepada kejohanan-kejohanan berprestij di peringkat dunia yang akan menjadi indikator kepada prestasi atlet.
3. Bagi sukan-sukan yang dilihat mampu menyumbang pingat di temasya Sukan Olimpik 2020 seperti berbasikal trek, akuatik terjun dan badminton, perancangan khusus yang telah disediakan oleh Program Podium sebelum ini masih diteruskan dengan beberapa penambahbaikan.
4. MSN telah bekerjasama dengan Institut Sukan Negara untuk menganjurkan bengkel "*Performance Plan*" pada 12 hingga 14 Februari 2019 bagi merangka pelan sokongan sains dan perubahan sukan bagi atlet di bawah program MSN. Dengan perancangan yang telah dirangka, diharapkan kecemerlangan atlet negara akan dapat diteruskan di temasya Sukan SEA 2019, Sukan Olimpik Tokyo 2020 serta kejohanan-kejohanan antarabangsa yang berprestij.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status projek lintasan Kereta Api RTS (Rapid Transit System) antara Woodlands Singapura dengan Bukit Cagar, Johor Baharu bagi mengatasi kesesakan di Tambak Johor. Apakah projek RTS itu akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kesesakan di sempadan Malaysia – Singapura di kedua-dua CIQ Johor Bahru dan Linkedua merupakan cabaran yang besar dan rumit. Lebih kurang 300,000 orang merentasi sempadan negara tiap-tiap hari melalui sama ada Tambak Johor atau Linkedua untuk bekerja atau melawati Singapura. Golongan pekerja migran yang berulang alik dari Johor ke Singapura untuk mencari rezeki membawa balik matawang asing dan menyumbang kepada ekonomi Malaysia. Kerajaan prihatin akan cabaran golongan tersebut yang terpaksa menghadapi kesesakan berjam-jam setiap hari di Tambak Johor dan Linkedua.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) merupakan projek yang dipersetujui untuk dibina bersama dengan Kerajaan Singapura dengan kos keseluruhan sebanyak RM 10 billion di mana RM 4 billion merupakan kos yang ditanggung oleh pihak

Malaysia bagi pembinaan sehingga sempadan antarabangsa dan dijangka beroperasi sebelum 31 Disember 2024. Sistem rel sepanjang 4km ini berkapasiti membawa 10 ribu penumpang sehala setiap jam antara Bukit Chagar, Johor Bahru ke Woodlands, Singapura di mana ianya bersaling hubung dengan stesen Mass Rapid Transit Woodlands North, Thomson East Coast Line. Perjanjian dua hala antara Kerajaan Malaysia dan Singapura berkenaan pelaksanaan projek RTS ditandatangani pada 16 Januari 2018 di bawah pentadbiran kerajaan yang terdahulu.

3. Selepas PRU ke-14, pelaksanaan beberapa projek mega infrastruktur seperti *KL- Singapore High Speed Rail* dan *MRT Circle Line* dikaji semula atau ditangguhkan mengambil kira kedudukan kewangan kerajaan semasa. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap komited dalam meneruskan projek RTS Link seperti mana yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 30 Mei 2018 dengan syarat penjimatan kos keseluruhan projek.

4. Oleh yang demikian, Kerajaan sedang berusaha untuk mencari pendekatan yang paling kos efektif bagi memastikan projek RTS Link dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

5. Kerajaan masih dalam proses perbincangan dan menilai pandangan-pandangan daripada beberapa kementerian termasuk Kementerian Pengangkutan berkenaan model kewangan yang sesuai dan penentuan entiti yang akan terlibat dalam pelaksanaan projek ini selaku syarikat InfraCo, termasuk juga entiti yang berperanan mewakili Malaysia sebagai pemegang syer majoriti di dalam syarikat usaha sama JV OpCo.

6. Kerajaan Malaysia juga akan memantau dan memastikan tambang yang dikenakan oleh JV OpCo adalah berpatutan mengikut kebolehpayaan bayar pengguna walaupun kadar tambang mengikut Perjanjian Dua Hala RTS Link boleh ditetapkan oleh JV OpCo, terutamanya bagi waktu puncak pagi (*am peak*) di mana permintaan boleh melebihi kapasiti perkhidmatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : **12 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN : **14**

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan arahan penurunan harga perkhidmatan internet jalur lebar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab secara bersekali Pertanyaan Lisan oleh YB **Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli** pada 21 Mac 2019 No. 52 kerana menyentuh isu yang sama iaitu **caj perkhidmatan jalur lebar**.

1. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah melaksanakan Standard Mandatori mengenai Harga Capaian (*Mandatory Standard on Access Pricing* atau MSAP) mulai 8 Jun 2018. MSAP yang berkuatkuasa mulai pada 1 Januari 2018 dilaksanakan bagi menjayakan inisiatif *Double The Speed, Half The Price* yang telah diumumkan oleh pihak Kementerian sebelum ini.

2. Dengan pelaksanaan MSAP, Kerajaan menjangkakan penurunan harga perkhidmatan jalur lebar di Malaysia sekurang-kurangnya sehingga 25 peratus menjelang penghujung tahun 2018. Semakan pada akhir tahun 2018, mendapati sasaran pengurangan harga sekurang-

kurangnya sehingga 25 peratus ini telah berjaya dilaksanakan. Pada 7 Oktober 2018, SKMM mengumumkan empat syarikat telekomunikasi yang utama iaitu Telekom Malaysia, Maxis, TIME dan Celcom telah menurunkan harga secara purata sebanyak 49%. Selain daripada pengurangan harga ini, syarikat-syarikat telekomunikasi juga turut mengumumkan peningkatan kelajuan pada harga yang sama di mana terdapat syarikat telekomunikasi yang telah menawarkan peningkatan kelajuan sehingga 10 kali ganda.

3. Justeru itu, sebarang pengurangan harga perkhidmatan jalur lebar adalah tertakluk kepada kuasa pasaran. Persaingan akan menentukan pengguna menerima lebih pilihan dengan harga yang berpatutan.

JAWAB BERSEKALI 21 MAC 2019

BIL	TARIKH	M/S	PERTANYAN
1	21 Mac 2019 (Khamis)	186	PR-1421-L03714 Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan bilakah caj perkhidmatan internet akan dikurangkan dan bilakah peningkatan kelajuan internet akan diguna pakai dan dilayari.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian berkenaan keselamatan radiasi mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh "International Commission on Radiological Protection (ICRP) dan "World Health Organization (WHO).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

International Commission on Radiological Protection (ICRP) adalah sebuah organisasi antarabangsa bukan kerajaan dan bebas yang bermatlamat untuk memberi syor-syor (*recommendations*) dan panduan berkaitan perlindungan dan keselamatan kepada komuniti perubatan dan orang ramai daripada sinaran mengion (*ionising radiation*).

Syor-syor dan panduan yang dikeluarkan oleh ICRP dalam pelbagai bentuk penerbitan (*publication, supporting guidance & annals*) dan ia bukan berbentuk mandatori untuk dilaksanakan oleh sesebuah negara.

Penggunaan dan keselamatan radiasi di Malaysia dikawal dan dipantau melalui Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) oleh dua agensi penguatkuasa iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan untuk maksud perubatan, manakala Lembaga Perlesenan Tenaga Atom mengawal punca radiasi bagi tujuan bukan perubatan. Pengawasan penggunaan radiasi oleh KKM melibatkan aktiviti pelesenan, pendaftaran, pemeriksaan, penguatkuasaan dan pendakwaan.

Selain daripada itu, KKM juga mengeluarkan dokumen seperti peraturan, pekeliling, garis panduan dan manual kepada institusi perubatan yang berlesen/berdaftar untuk tujuan panduan dan amalan baik (*best practice*) berkaitan keselamatan radiasi kepada pesakit, pekerja dan orang awam dari semasa ke semasa. Penyediaan dokumen-dokumen berkenaan mengambil kira atau menerima pakai dokumen yang dikeluarkan oleh badan-badan antarabangsa termasuklah *International Commission on Radiological Protection (ICRP)*, *World Health Organization (WHO)* dan *International Atomic Energy Agency (IAEA)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : 16

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah permohonan senjata api
pelbagai jenis dalam tempah lima tahun terdahulu dan jumlah kelulusan
mengikut pecahan kaum.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua

Permohonan untuk mendapatkan pelbagai jenis lesen senjata api yang di terima sejak tahun 2015 sehingga Januari 2019 berjumlah 17, 290 pemohon. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,606 telah diluluskan untuk kaum Melayu, 675 untuk kaum Cina, 169 untuk kaum India, 147 untuk Bumiputra Sabah, 15 untuk Bumiputra Sarawak, 7 untuk orang Asli, 16 untuk kaum Siam, 2 untuk kaum Singh dan 22 untuk lain-lain kaum.

Statistik bilangan permohonan mengikut jenis senjata api bagi tahun 2015 sehingga Januari 2019 seperti berikut:-

BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT JENIS SENJATA	TAHUN PERMOHONAN					JUMLAH
	2015	2016	2017	2018	2019	
PISTOL	1153	1410	1624	1135	118	5440
SHOTGUN	2100	2066	2104	1267	172	7709
PUMPGUN	288	346	468	404	82	1588
RIFLE	104	161	212	102	8	587
REVOLVER	159	195	315	165	20	854
LAIN-LAIN	191	300	282	296	43	1112
JUMLAH	3995	4478	5005	3369	443	17290

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status hubungan diplomatik Malaysia dan Korea Utara, termasuk status Kedutaan Malaysia di Korea Utara dan status Kedutaan Korea Utara di Malaysia. Nyatakan juga status 170 pekerja Korea Utara yang dilaporkan bekerja di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Malim di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, insiden yang melibatkan kematian Kim Jong-nam di Kuala Lumpur pada 13 Februari 2017, telah memberi kesan kepada hubungan dua hala di antara Malaysia dan Republik Demokratik Rakyat Korea (DPRK).

3. Susulan daripada peristiwa tersebut, Malaysia telah menghentikan operasi Kedutaannya di Pyongyang serta mengenakan sekatan perjalanan kepada rakyat Malaysia ke Korea Utara sebagai langkah keselamatan. Walau bagaimanapun, Malaysia masih tetap meneruskan hubungan diplomatiknya dengan negara tersebut melalui Kedutaan Besar Korea Utara di Kuala Lumpur yang diwakili di peringkat Kuasa Usaha Sementara.

4. Saya juga ingin merujuk kepada pertanyaan berhubung dengan status 170 orang pekerja Korea Utara yang dilaporkan bekerja di Sarawak. Menurut maklumat terkini yang diterima daripada Bahagian Pas Penggajian dan Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak, tiada pekerja warganegara Korea Utara yang bekerja di Sarawak sejak tahun 2017. Pada masa kini, pihak berkuasa negeri Sarawak tidak lagi memberikan kelulusan bagi pengambilan pekerja warganegara Korea Utara di negeri tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS, KELANTAN]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelaksanaan yang dilakukan untuk pembangunan Esport bagi mendepani sukan Esport pertama dalam Sukan Asia 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak enam (6) acara sukan elektronik akan dipertandingkan di Temasya Sukan SEA 2019, Filipina. Penyertaan atlet ke temasya sukan terbesar di rantau Asia Tenggara ini akan menjadi medan dan langkah pertama Malaysia untuk mengenal pasti kelompok pertama atlet negara yang akan disenaraikan dalam program latihan menjelang Sukan Asia 2022.
2. Persatuan Sukan Elektronik Malaysia (ESM) akan membuat pemilihan atlet bermula bulan Mac hingga April 2019 menerusi kejohanan-kejohanan di peringkat negeri dan seterusnya di peringkat kebangsaan. Atlet-atlet yang dipilih ini akan menjalani latihan sepenuh masa sebagai persediaan ke arah Sukan SEA 2019 bermula bulan Jun 2019.

SOALAN NO. 18

3. Di samping itu, penyediaan pusat latihan khusus sukan elektronik bertempat di Stadium Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur. Ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam memastikan pembangunan sukan elektronik dilaksanakan secara efektif di Malaysia.
4. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) kini dalam proses merangka satu **“Blueprint Sukan Elektronik Malaysia”** yang pertama dan dijangka siap pada akhir bulan April ini. **“Blueprint”** ini akan membolehkan program Esports dirancang dan diselaraskan secara berstruktur untuk pembangunan yang holistik dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat antarabangsa.
5. Persatuan Sukan Elektronik Malaysia (ESM) juga akan menganjurkan Liga Sukan Elektronik Malaysia pada bulan Julai 2019 untuk mengenal pasti ranking pemain mengikut acara masing-masing. ESM dengan kerjasama Kementerian kini dalam perancangan mewujudkan ranking atlet yang masih belum ada lagi dalam arena sukan Esport.
6. Di samping itu, penubuhan SEA Esports Federation sedang dirancang bersama gabungan Persekutuan Sukan Elektronik Asia negara–negara Asia Tenggara bagi melindungi hak sukan elektronik di rantau ini. Pihak Kementerian juga bercadang untuk menganjurkan Kejohanan Esports Peringkat Asia Tenggara yang pertama di Malaysia dengan sokongan SEA Esports Federation pada tahun 2020. Kejohanan peringkat umur antara 12 tahun hingga 17 tahun juga dalam perancangan bagi melahirkan lebih ramai pemain–pemain berpotensi. Selain itu, penubuhan Akademi Sukan Elektronik yang bertujuan mendidik pemain untuk memahami secara mendalam sukan tersebut serta mengubah mentaliti pemain bagi pengurusan masa yang betul juga dalam perancangan Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

**TARIKH : 12 MAC 2019
[SELASA]**

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan bagi menggalakkan dan memastikan rakyat berkemampuan untuk memiliki rumah ekoran lambakan unit yang tidak terjual kebelakangan ini terutamanya kuota Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, antara perancangan dan langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah lambakan unit rumah yang tidak dijual termasuklah unit Bumiputera adalah seperti berikut:
 - a) Melaksanakan pelan pemasaran seperti pemberian diskaun/rebat oleh pemaju swasta/PR1MA/SPNB sekurang-kurangnya 10%;
 - b) Mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program *Home Ownership Campaign* (HOC) bagi tahun 2019;
 - c) Pemberian insentif kepada bakal pembeli melalui pengecualian duti setem;
 - d) Cadangan kepada pemaju untuk membuat kajian pasaran (*market study*) bagi memastikan pembangunan di sesuatu lokasi mengikut permintaan (*demand*);
 - e) Bagi unit kuota Bumiputera yang tidak terjual, kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membuat pemantauan bersama dengan pemaju bagi memastikan unit kuota Bumiputera ini dapat dijual; dan
 - f) Menambah baik skim pembiayaan perumahan terutamanya bagi kumpulan B40 dan M40 bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pemilikan perumahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 20

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir untuk Pulau Pinang dan adakah termasuk RM1 bilion yang dijanjikan kepada Pulau Pinang sebelum ini. Apakah status Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah peruntukan untuk projek tebatan banjir yang akan disalurkan kepada negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM21.08 juta yang meliputi projek seperti berikut :

- 1) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang;
- 2) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang;
- 3) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Bahang, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang;
- 4) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Pondok Upeh / Sungai Burong, Pulau Pinang; dan
- 5) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kechil, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Peruntukan ini adalah anggaran keperluan aliran tunai projek bagi tahun 2019 yang antaranya merangkumi peruntukan bagi pelantikan perunding reka bentuk terperinci, pelantikan perunding kerja ukur dan penyiasatan tanah serta tender kerja.

Kelima-lima senarai projek yang dinyatakan tadi adalah antara projek-projek yang disenaraikan di dalam projek tebatan banjir yang bernilai RM1 Billion.

Status terkini **RTB Lembangan Sungai Pinang** adalah seperti berikut :

- 1) Kerja-karya reka bentuk terperinci sedang dilaksanakan oleh perunding yang dilantik.

- 2) Bagi pelantikan perunding kerja ukur, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam proses perolehan perunding kerja ukur.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI
JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA
[KETEREH]**

TARIKH : 12 MAC 2019
MENJAWAB

SOALAN : 21

YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pemilikan kapal mewah Equanimity serta kos penyelenggaraan yang telah ditanggung oleh Kerajaan sehingga hari ini dan sehingga bilakah Kerajaan akan menanggung kos berkenaan.

JAWAPAN:

1. Selepas proses penjualan kapal Equanimity secara tender awam ditutup pada 28 November 2018 dan tiada pihak yang berminat untuk membeli secara tender awam, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membuat perintah bahawa kapal Equanimity dijual secara *private treaty* iaitu suatu kaedah jualan secara langsung yang lebih fleksibel dan berkesan.
2. Tempoh penjualan kapal Equanimity secara *private treaty* ini akan tamat pada 31 Mac 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 22

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menangani saman AES (Automatic Enforcement System) yang dikeluarkan tetapi belum lagi dibayar dan apakah status hasil kajian berkenaan penetapan kadar baru saman AES.

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan keputusan Kerajaan untuk mengambil alih operasi sistem AwAS, beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan termasuk menangani isu saman yang tertunggak.
2. Perkara pertama yang telah dilaksanakan adalah menetapkan dasar bahawa tiada sebarang pengurangan kadar kompoun akan diberikan ke atas sebarang notis saman yang dikeluarkan kepada Orang Yang Kena Saman (OKS). Seterusnya, di dalam setiap notis saman yang dikeluarkan, tarikh kehadiran ke Mahkamah akan terus ditetapkan. Namun begitu, dalam setiap notis saman yang dikeluarkan, OKS juga

akan diberikan tawaran kompoun sebanyak RM300 sekiranya OKS memilih untuk mengaku bersalah dan memilih untuk menerima tawaran kompoun tersebut. OKS akan diberi tempoh selama enam puluh (60) hari untuk berbuat demikian. Sekiranya OKS tidak mengaku bersalah dan memilih untuk dibicarakan, OKS bolehlah hadir ke Mahkamah pada tarikh yang telah dinyatakan di dalam Notis Saman tersebut dan membentangkan kesnya di Mahkamah.

3. Jika OKS tidak menerima tawaran kompoun seterusnya gagal hadir ke Mahkamah seperti yang dikehendaki, tindakan senarai hitam akan diambil dan OKS akan dihalang daripada melakukan apa jua transaksi serta urusan dengan JPJ sehingga kes diselesaikan.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat bulan Februari 2019, 55,202 kes Notis Saman telah dirujuk ke Mahkamah dan sebanyak 55,133 kes telah disenarai hitam kerana kegagalan OKS untuk hadir di mahkamah bagi menjawab pertuduhan ke atasnya berhubung Notis Saman AwAS.
5. Di samping itu, Kerajaan pada masa ini belum mempunyai cadangan untuk mengkaji semula kadar tawaran kompoun yang telah ditetapkan bagi kesalahan direkodkan menerusi sistem AwAS iaitu RM300. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada keperluan di masa hadapan, Kerajaan adalah sentiasa terbuka untuk mengkaji untuk melaras kadar kompoun ini sekiranya perlu bagi mendidik pengguna jalan raya untuk mematuhi semua peraturan ke arah meningkatkan dan mengawal tahap keselamatan di jalan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 23

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembaikan semua sekolah-sekolah daif di Sarawak dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan untuk pembaikan tersebut. Apakah status siasatan terhadap **JEPAK HOLDING SDN BHD** yang sepatutnya menyediakan PV solar system bagi 369 sekolah pedalaman di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 198 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM557 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI)

Bagi tahun 2018 sahaja, sebanyak 116 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM416.58 juta. Sehingga 28 Februari 2019 sebanyak 66 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 50 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka akan siap pada April 2019.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM100 juta telah diluluskan melibatkan kerja-kerja naik taraf dan pembangunan semula 32 buah sekolah daif di Sarawak. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka dan pelaksanaan dijangka bermula secara berperingkat pada Mei 2019.

Status siasatan terhadap Jepak Holding Sdn Bhd, pihak Suruhanjaya Siasatan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyiasat isu ini dan pihak Kementerian sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak SPRM bagi membantu proses siasatan ini.

Sekian, terima kasih

RJM 09

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ**
[BACHOK]
TARIKH : **12 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 24

Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah royalti petroleum yang sepatutnya diterima oleh Kelantan dan Terengganu dan jumlah yang telah dibayar kepada negeri-negeri ini setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kes saman tuntutan Kerajaan Negeri Kelantan terhadap PETRONAS mengenai bayaran "royalti" petroleum kepada Kerajaan Negeri Kelantan masih belum selesai.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak boleh memperincikan perkara ini dengan lebih lanjut kerana dikhuatiri sebarang kenyataan boleh menjadi *sub judice* kepada kes tersebut.

Namun begitu, Kerajaan Persekutuan telah membuat bayaran dalam bentuk Wang Ehsan kepada negeri-negeri terdekat dengan kawasan pengeluaran iaitu Kelantan dan Terengganu bagi projek dan program untuk manfaat rakyat di negeri berkenaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 25

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah saranan terbaru pihak Kementerian kepada pihak sekolah dalam menjalankan usaha sama dengan pihak polis dalam mengatasi masalah keselamatan para pelajar sekolah terutamanya di peringkat sekolah rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bersedia bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk meningkatkan kualiti keselamatan di semua institusi pendidikan KPM. Program Jom ke Sekolah merupakan usaha terbaharu pihak KPM dengan kerjasama PDRM bagi mengatasi masalah keselamatan murid sekolah di semua peringkat. Program ini telah dilancarkan pada 11 dan 18 Februari 2019 secara serentak di sekolah kendalian KPM dan sekolah swasta.

Program ini merupakan salah satu bentuk kolaboratif KPM dan PDRM dalam usaha menangani permasalahan disiplin dan salah laku murid. Penglibatan pihak PDRM di sekolah adalah melalui Pegawai Perhubungan Sekolah. Pegawai Perhubungan Sekolah dilantik dalam kalangan pegawai PDRM dengan matlamat mewujudkan suasana selamat bagi warga sekolah dan mengelak sebarang risiko ancaman khususnya daripada luar sekolah.

Selain daripada itu, KPM juga menjalinkan kerjasama dengan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) bagi melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah di peringkat negeri, daerah dan sekolah. KPM juga sedang dalam perancangan bekerjasama dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) iaitu veteran tentera dan pegawai perkhidmatan (*service officer*) dicadangkan membantu pihak sekolah menjalankan aktiviti atau program khusus kepada keselamatan murid sekolah.

Pendekatan sekolah selamat yang dilaksanakan oleh KPM juga bukan sekadar berkisar pada aspek yang berteraskan disiplin malahan merangkumi keselamatan bangunan, bilik darjah, peralatan dan semua kemudahan di sekolah. Sehubungan dengan itu, KPM dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Negara (NIOSH) bakal menganjurkan Seminar Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah Tahun 2019. Seminar ini akan diadakan di lima (5) lokasi di seluruh Malaysia iaitu di Sabah, Perak, Kuala Lumpur, Terengganu, dan Perlis.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

**DARIPADA : Dato' Takiyuddin bin Hassan
[Kota Bharu]**

SOALAN :

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini pihak Kerajaan berhubung projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL).

**JAWAPAN: YB Datuk Wira Dr. Md. Farid bin Md Rafik
TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, semua kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL masih digantung oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), iaitu syarikat di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan semenjak notis penggantungan dikeluarkan pada 3hb Julai 2018.
2. Manakala pada masa ini, Kerajaan masih dalam rundingan dengan kontraktor utama, China Communications Construction Company (CCCC) bagi mengurangkan kos pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Ianya bakal menentukan status pelaksanaan projek ini kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN
ABDUL AZIZ**
KAWASAN : TANAH MERAH
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejak Mei 2018 berapakah jumlah pelabur asing yang meninggalkan negara ini dan adakah ia memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 7 projek yang melibatkan pelaburan langsung asing (FDI) dalam sektor perkilangan dengan nilai pelaburan berjumlah RM325 juta telah menutup, memberhenti atau memindahkan operasi perkilangan mereka dari negara ini sejak Mei hingga Disember 2018.
2. Keputusan penutupan syarikat-syarikat ini adalah lebih menjurus kepada keputusan perniagaan dan bukannya kerana faktor peralihan Kerajaan. Antara faktor yang menyebabkan pelabur asing menarik keluar pelaburan mereka dari Malaysia termasuklah:
 - (i) ketidaktentuan pasaran serta penguncupan ekonomi global turut menyebabkan para pelabur terpaksa menstruktur semula syarikat serta strategi perniagaan mereka hingga ada yang mengambil keputusan untuk menarik keluar pelaburan mereka di luar negara termasuk di Malaysia;
 - (ii) peralihan teknologi ke era digital dan Industri 4.0 menyebabkan pelabur-pelabur, terutamanya dalam projek berintensifkan buruh, tidak dapat menyesuaikan operasi syarikat dengan perubahan ini serta mengalami kesukaran untuk mengekalkan keuntungan jangka masa panjang di negara ini;
 - (iii) peningkatan kos buruh di Malaysia di mana sebahagian pelabur asing terutamanya membabitkan industri-industri yang berintensifkan buruh bertindak menarik keluar pelaburan mereka di Malaysia; dan

- (iv) Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang menuju ke arah negara maju telah mengambil pendekatan untuk memberi tumpuan kepada pelaburan-pelaburan berkualiti dan berteknologi tinggi. Hal ini telah memberi kesan kepada projek-projek yang tidak berintensifkan teknologi tinggi untuk terus beroperasi dan bersaing di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Menurut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), persekitaran ekonomi global yang mencabar terutamanya akibat ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang berterusan dan peralihan dasar monetari dalam kalangan negara maju telah menyebabkan pertumbuhan global dan pelaburan yang semakin menyederhana. Perkembangan ini telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun 2018 yang menyederhana pada kadar 4.7% berbanding pertumbuhan 5.9% yang dicatat pada tahun 2017.
4. Manakala, Kementerian Kewangan telah menyatakan bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar telah berkembang 4.7 peratus pada 2018 dipacu oleh perbelanjaan swasta serta prestasi perdagangan luar yang memberangsangkan. Aktiviti penggunaan swasta meningkat 8.1 peratus disokong oleh pasaran buruh yang stabil serta persekitaran inflasi yang rendah. Eksport kasar negara pula kekal kukuh mencatat pertumbuhan 6.7 peratus manakala import kasar meningkat 4.9 peratus. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menerajui pertumbuhan dengan berkembang 6.8 peratus dan 5 peratus.
5. Walaupun prestasi ekonomi negara kekal kukuh, Malaysia yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka terdedah kepada risiko pertumbuhan yang lebih perlahan berikutan peningkatan ketidakpastian persekitaran global termasuk ketidakpastian dasar

negara maju, peningkatan konflik perdagangan, volatiliti dalam pasaran kewangan dan harga minyak serta ketegangan geopolitik.

6. Namun, pembaharuan struktur ekonomi, kewangan dan fiskal yang dilaksanakan selama ini telah menyediakan penampakan yang mencukupi untuk menangani cabaran luar. Kesan pengaliran keluar dana dijangka memberi impak yang tidak ketara kepada negara memandangkan struktur ekonomi yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas, termasuk pasaran buruh yang stabil dengan guna tenaga penuh dan kadar inflasi terkawal.
7. Selain itu, sistem kewangan yang berdaya tahan dan maju berserta paras rizab antarabangsa yang kekal tinggi memperkukuh keupayaan ekonomi negara untuk menghadapi kejutan luar dan memastikan pengantaraan kewangan terus berfungsi tanpa gangguan. Di samping itu, struktur perdagangan yang pelbagai dari segi destinasi dan produk serta kadar pertukaran yang fleksibel terus memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Walaupun berdepan dengan ketidakpastian pasaran dan ekonomi global, Kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah proaktif bagi menarik dan memperkukuhkan FDI ke dalam negara, terutamanya pelaburan berkualiti tinggi yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 12 MAC 2019
[SELASA]**

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kerajaan menangani isu warga asing yang menjalankan perniagaan secara tidak sah atau menyewa/meminjam lesen rakyat tempatan untuk berniaga dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, warga asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan kecil seperti kedai runcit atau lain-lain menggunakan lesen milik penduduk tempatan.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan pada 30 Jun 2008. Antara perkara yang ditekankan dalam pekeliling ini adalah penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:
 - (i) Pengeluaran permit perniagaan kecil hanya kepada warganegara Malaysia sahaja;
 - (ii) Pemilik permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
 - (iii) Tindakan pembatalan permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah permit perniagaan mereka kepada warga asing; dan
 - (iv) Pihak Berkuasa Tempatan boleh menyita serta merampas barang jualan serta-merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa lesen.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN / BERTULIS**
DARIPADA : **TUAN WONG TACK [BENTONG]**
TARIKH : **12 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 29

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan melaporkan secara terperinci pelan tindakan serta status terkini untuk pelupusan sisa buangan terjadual *Neutralization Underflow Residue* (NUF) Lynas memandangkan lesen penstoran sementara sisa buangan terjadual Lynas telah luput pada 15 Februari 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah pelan tindakan yang telah dikemukakan oleh Lynas Malaysia Sdn. Bhd., tapak penstoran buangan yang sedia ada akan dijadikan sebagai tapak pelupusan selamat (*on-site secured landfill*). Bagi tujuan pembinaan kemudahan tapak pelupusan selamat tersebut, pihak Lynas Malaysia Sdn. Bhd. adalah dikehendaki untuk:

(i) menyediakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) seperti yang tertakluk di bawah Aktiviti 14(a)(iv) Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015;

(ii) mendapatkan kebenaran bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) bagi menjadikan tapak penstoran buangan sedia ada sebagai premis yang ditetapkan sepertimana peruntukan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989; dan

(iii) mendapatkan lesen bagi tapak pelupusan selamat sebagai Premis Yang Ditetapkan seperti peruntukan di bawah Seksyen 18, AKAS 1974.

2. Pihak Lynas Malaysia Sdn. Bhd. telah mengemukakan laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 5 Mac 2019. Selaras dengan prosedur JAS, laporan EIA ini akan disemak dan diberi keputusan dalam tempoh 12 minggu. Adalah menjadi tanggungjawab Lynas Malaysia Sdn. Bhd. untuk mematuhi semua keperluan dan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK**
SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN
[BEAUFORT]
TARIKH : **12 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 30

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:-

- a) Statistik kanak-kanak yang terlibat dalam kes jenayah/kemalangan pada waktu lewat malam; dan
- b) Bilakah Kementerian akan memperkenalkan undang-undang 'curfew' ke atas kanak-kanak di bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan larangan keluar malam atau perintah berkurung bagi kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun pada waktu malam.

Buat masa ini, statistik kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah pada tahun 2016 adalah seramai 4,886, tahun 2017 seramai 5,443 dan sehingga November 2018 seramai 3,602. Daripada bilangan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah pada tahun 2018 sahaja, 3 jenayah tertinggi sebanyak 1,152 (31.9%) adalah bagi jenayah dadah, 999 (27.7%) bagi jenayah bersabit dengan harta benda dan 472 (13.1%) bagi jenayah bersabit dengan orang.

Manakala berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), kesalahan atau kemalangan yang melibatkan kanak-kanak pada waktu malam banyak berlaku dalam aktiviti menunggang basikal lajak. Sepanjang tahun 2017 sehingga tahun 2018, statistik kanak-kanak yang terlibat dalam kes kemalangan semasa menunggang basikal adalah sebanyak 137 kes. Daripada jumlah ini, 48 kes berlaku pada waktu malam dan negeri yang mencatat jumlah paling tinggi ialah Johor sebanyak 16 kes dan diikuti Kelantan sebanyak 9 kes. Daripada jumlah kemalangan direkodkan, 34 kes melibatkan kematian, 26 kes parah dan 132 kes mengalami kecederaan ringan.

Bagi menangani isu kanak-kanak dalam kes jenayah ini secara efektif, Kerajaan sedang meneliti kemungkinan untuk melaksanakan dengan izin, program *diversion* dalam masa terdekat. Program ini merupakan program pengalihan kanak-kanak yang telah melakukan jenayah daripada sistem keadilan sedia ada bagi tujuan melaksanakan pemulihan dan pengintegrasian semula kanak-kanak tersebut ke dalam komuniti untuk memberikan keinsafan dan memastikan kanak-kanak tersebut tidak mengulangi kesalahan yang sama.

SOALAN NO. 30

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan pemimpin tempatan untuk memainkan peranan dalam memastikan atau sama-sama menegur anak-anak kita yang terdiri daripada remaja di bawah umur ini supaya tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat pada semua waktu termasuk pada waktu malam. Peranan dan tanggungjawab ini juga boleh dilaksanakan melalui penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak polis atau komuniti dalam memastikan aktiviti-aktiviti tidak sihat ini tidak dilakukan secara berleluasa oleh para remaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan isu remaja berpelesiran ini merupakan isu sosial, saya ingin menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat melihat perkara ini dengan lebih dekat dan digalakkan untuk menganjurkan program-program berfaedah bukan sahaja kepada remaja malah kepada ahli keluarga dan komuniti seperti pemerikasaan ilmu kekeluargaan dengan melibatkan penyertaan ibu bapa dan anak-anak mereka supaya kita dapat memastikan para remaja di kawasan kita tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED**
FADZIL [LEMBAH PANTAI]
TARIKH : **12 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 31

Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah dan usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan semua undang-undang Malaysia termasuk peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah selaras dengan dasar kesaksamaan gender.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah dan akan meneruskan sesi libat urus secara aktif untuk memastikan hasrat Kementerian untuk mencapai kesaksamaan gender dapat direalisasikan. Sehingga kini, Kementerian telahpun mengadakan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara dan JAKIM, ahli akademik dan juga badan bukan kerajaan.

Kementerian turut telah menubuhkan satu Special Project Team Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender (SPT RUU GE) yang terdiri daripada pelbagai pihak sebagai usaha memastikan rang undang-undang kesaksamaan gender dapat diwujudkan dengan mengambil kira aspek agama, sosial dan kaum memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan harga komoditi getah dan sawit memandangkan harga semasa komoditi tersebut sangat rendah dan menjejaskan pendapatan terutamanya kepada pekebun-pekebun kecil luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha agresif dan proaktif terbaharu Kementerian untuk menstabilkan harga komoditi sawit dan getah adalah dengan meningkatkan permintaan negara-negara pengimport melalui langkah-langkah berikut:

- (a) meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan pelaksanaan program B7 bagi sektor industri yang akan bermula pada 1 Julai 2019. Program B10 ini telah memberikan impak positif kepada peningkatan harga minyak sawit dimana seawal Januari 2019 dan Februari 2019 harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037.00 dan RM2,122.65/tan berbanding Disember 2018 iaitu RM1,794.50/tan;

- (b) Malaysia telah menandatangani dokumen hasrat pembelian dengan syarikat China bagi mengeksport sebanyak 1.62 juta tan minyak sawit bernilai RM3.64 bilion ke negara republik itu melibatkan empat syarikat Malaysia dan tiga syarikat China. Persetujuan ini adalah susulan lawatan kerja Kementerian ke China untuk meningkatkan pembelian minyak sawit Malaysia pada bulan Ogos tahun lalu;
- (c) mengukuhkan pasaran di India yang merupakan negara pengimport terbesar sawit dan negara-negara berpotensi seperti Iran, Mesir dan negara-negara Afrika melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri. Misi ini telah berjaya meyakinkan negara-negara tersebut untuk meningkatkan pembelian minyak sawit negara. Selain itu, langkah Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit (CPO) daripada 44% kepada 40% serta pengurangan duti import minyak sawit proses daripada 54% kepada 45% juga telah memberi kesan positif kepada industri sawit negara; dan
- (d) Kementerian juga telah menghadiri Mesyuarat Khas Peringkat Menteri *International Tripartite Rubber Council (ITRC) 2019* di Bangkok, Thailand pada 22 Februari 2019. Hasil mesyuarat ini, ketiga-tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bersetuju bahawa *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* merupakan instrumen yang berkesan untuk mengimbangi stok di pasaran dunia serta dijangka dapat meningkatkan harga getah asli bagi jangka masa pendek. Dalam hal ini, mesyuarat bersetuju pada dasarnya untuk melaksanakan AETS ke-6 bagi menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 200,000 hingga 300,000 tan. Mesyuarat ITRC pada peringkat pegawai telah menyusuli perkara ini pada 4 dan 5 Mac 2019 di Bangkok, Thailand dan telah menetapkan pengurangan kuota eksport sebanyak 240,000 tan mulai 1 April 2019. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga *Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) Free On Board (FOB)* telah meningkat sebanyak 14.8% dari RM 5.21/kilogram pada 31 Disember 2018 kepada RM5.98/kilogram pada 6 Mac 2019.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 33

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status cadangan pembinaan hospital pengajar/swasta oleh Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR). Adakah Kementerian akan memberi sebarang bentuk peruntukan untuk pembinaan dan kemudiannya untuk penyelenggaraan hospital tersebut .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 20 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) mengendalikan program perubatan dengan pecahan bilangan lima (5) Kolej Universiti dan 15 Universiti. Bagi pembangunan hospital pengajar universiti di IPTS termasuk di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang telah pun mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Daerah Kampar, ianya adalah di bawah tanggungjawab IPTS tersebut sepenuhnya. Kos Pembangunan Hospital UTAR termasuk perbelanjaan penyelenggaraannya kelak akan dibiayai oleh UTAR sendiri tanpa dana daripada kementerian.

Hospital tersebut merupakan sebuah hospital swasta yang berorientasikan bukan untuk keuntungan (*non-profit oriented*) dan dijangkakan apabila siap akan memberikan manfaat dari segi penawaran perkhidmatan perubatan terutamanya kepada komuniti setempat.

Hospital ini juga akan menyertai hospital-hospital KKM dalam menawarkan latihan klinikal program perubatan dan program sains kesihatan yang ditawarkan di UTAR. Kementerian akan sentiasa memastikan kursus pengajian yang ditawarkan adalah berkualiti dan mendapat pengiktirafan *Malaysian Medical Centre* (MMC) dengan mengambil kira sumber, kualiti dan keperluan tenaga kerja negara.

Sekian, terima kasih

RJM 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : NO. 34

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak Mei 2018 hingga kini, berapakah aset Khazanah dan semua entiti milik Perbendaharaan yang telah dijual, kepada siapa dijual dan berapa nilainya. Berapa aset baru dimiliki oleh Khazanah dan semua entiti milik Perbendaharaan, daripada siapa dibeli dan berapa nilainya.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berikut adalah senarai pelaburan dan pelupusan dalam syarikat-syarikat tersenarai awam terpilih yang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) antara Januari sehingga Disember 2018, mengikut tahun pelaporan kewangannya:

a) Pelaburan dalam syarikat-syarikat tersenarai awam terpilih

Syarikat	Industri	Negara penyenaraian	Jumlah RM juta	Catatan
IHH Healthcare Berhad	Penjagaan Kesihatan	Malaysia dan Singapura	1,442	Nota 1
CIMB Group Holdings Berhad	Institusi Perbankan	Malaysia	635	Nota 2
Ping An Good Doctor	Penjagaan Kesihatan	China / Hong Kong	199	-

Nota 1: Urus niaga adalah Skim Pelaburan Semula Dividen yang memberikan para Pemegang Saham peluang untuk melabur semula dividen yang diperuntukkan masing-masing dalam Saham Baharu sebagai gantian kepada tunai.

Nota 2: Urus niaga itu adalah dalam bentuk pertukaran saham (share swap) yang mana Khazanah memperoleh saham IHH sebagai gantian kepada keseluruhan saham yang dipegang dalam Acibadem Saglik Yatirimlari.

b) Pelupusan dalam syarikat-syarikat tersenarai awam terpilih

Syarikat	Industri	Negara penyenaarai	Jumlah Hasil RM juta	Catatan
CIMB Group Holdings Berhad	Institusi Perbankan	Malaysia	363	Tiada maklumat pembeli
BDO Unibank Inc	Institusi Perbankan	Philippines	360	
Infosys Limited	Pengguna	India	284	
PT Charoen Pokphand Indonesia	Pengguna	Indonesia	222	
Titan Industries Limited	Pengguna	India	212	

**Kesemua pelupusan yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah bagi syarikat-syarikat tersenarai awam sahaja.*

Untuk makluman ahli dewan, sesetengah pelupusan Khazanah dalam syarikat-syarikat yang tersenarai awam dilakukan di pasaran awam sekunder (*open secondary market*). Sehubungan itu, Khazanah tidak mempunyai senarai pembeli untuk pelupusan tersebut.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

**DARIPADA : Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff
[Rantau Panjang]**

SOALAN :

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status projek ECRL dan adakah Kerajaan berhasrat mewujudkan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) ke sektor Pantai Timur.

**JAWAPAN: YB Datuk Wira Dr. Md. Farid bin Md Rafik
TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, semua kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL masih digantung oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), iaitu syarikat di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan semenjak notis penggantungan dikeluarkan pada 3hb Julai 2018.

2. Manakala pada masa ini, Kerajaan masih dalam rundingan dengan kontraktor utama, China Communications Construction Company (CCCC) bagi mengurangkan kos pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Ianya bakal menentukan status pelaksanaan projek ini kelak.

NO. SOALAN: 21

3. Berkenaan pewujudan perkhidmatan ETS ke sector Pantai Timur, pada masa ini pihak Kerajaan masih belum mempunyai perancangan tersebut kerana jajaran KTMB di Pantai Timur adalah laluan tunggal dan tiada sistem elektrifikasi (*single track non electrified*). Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan sedang giat melaksanakan kerja-kerja baik pulih landasan yg terlibat semasa kejadian banjir besar pada tahun 2014.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 12 MAC 2019

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan isu hak kewarganegaraan dan isu sijil beranak sudah lama menjadi isu yang sensitif. Nyatakan beberapa langkah yang harus diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Terdapat ramai kanak-kanak masih tidak mempunyai surat beranak. Rakyat Malaysia yang tidak mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran walaupun mereka ini merupakan pemastautin dan penduduk tetap Malaysia. Seheinggakan terdapat juga pemohon daripada warga emas yang telah meninggal dunia tanpa memperoleh kewarganegaraan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, taraf kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung dan status perkahwinan yang sah mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa sewaktu kelahiran berlaku. Bagi kanak-kanak bertaraf bukan warganegara, adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya ibu bapa atau penjaga untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal kanak-kanak bagi mengelakkan isu keberadaan yang tidak sah di negara ini.

Bagi isu warga emas yang telah meninggal dunia tanpa memperoleh kewarganegaraan, setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima

oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Sukacita diingatkan bahawa syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan hanya melayakkan permohonan dikemukakan tetapi tidak menjamin bahawa permohonan akan diluluskan. Ingin ditegaskan bahawa penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya.

Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman dan luar bandar melalui inisiatif berterusan seperti mana berikut:-

- i. Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- ii. Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*; dan
- iii. Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*.

Program Turun Padang (Program *Outreach*)/ Perkhidmatan Unit *Mobile*/ Perkhidmatan Bas *Mobile* menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan semua urusan JPN. Berdasarkan rekod JPN pada tahun 2013 hingga 28 Februari 2019, sebanyak 9,224 program telah berjaya dilaksanakan dengan merekodkan sebanyak 220,879 permohonan dan 43,340 khidmat nasihat.

Selain daripada itu, dalam memastikan semua kelahiran dapat didaftarkan, JPN telah melaksanakan pindaan Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957 (Akta 299) dengan memanjangkan tempoh pendaftaran kelahiran daripada 42 hari kepada 60 hari bagi memudahkan rakyat terutama ibu tunggal menguruskan diri dan anak sebelum membuat pendaftaran kelahiran. Tempoh ini penting kerana apabila permohonan Sijil Kelahiran tersebut telah diklasifikasikan sebagai Pendaftaran Lewat Kelahiran, kanak-kanak berkenaan akan lewat menerima Sijil Kelahirannya dan kelewatan ini akan menyebabkan urusan seperti persekolahan dan rawatan kesihatan terjejas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI
[KUALA NERUS]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 37

Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor kenaikan mendadak hutang Kerajaan Persekutuan daripada RM686.6 bilion (2017) kepada RM741.0 bilion (2018).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara amnya, paras hutang Kerajaan Persekutuan meningkat disebabkan Kerajaan perlu membiayai defisit bajet tahunan yang mana pinjaman dilaksanakan untuk menampung belanja pembangunan. Bagi tahun 2018, hutang rasmi Kerajaan Persekutuan meningkat daripada RM686.8 bilion atau 50.7% daripada KDNK pada tahun 2017 kepada RM741 bilion atau 51.8% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, sebanyak RM54.2 bilion digunakan bagi membiayai perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Hutang rasmi ini tidak merangkumi pembayaran hutang oleh Kerajaan Persekutuan sebagai penjamin.

2. Kerajaan akan terus membuat pinjaman baru pada setiap tahun selagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit. Kerajaan Persekutuan membuat pinjaman bagi membiayai semula hutang yang matang dan menampung perbelanjaan pembangunan. Hutang Kerajaan Persekutuan hanya dapat dikurangkan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan mempunyai lebihan (*surplus*) yang mencukupi untuk membiayai hutang dan perbelanjaan pembangunan. Sebagai contoh, sepanjang tempoh 1993 - 1997, Kerajaan berjaya mengurangkan hutang daripada RM95.9 bilion pada 1993 kepada RM89.9 bilion pada 1997, berikutan lebihan fiskal dalam kedudukan kewangan tahunan.

3. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampun sebarang krisis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHAN MING KAI
[ALOR SETAR]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 38

Y.B. TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa individu dan syarikat/koperasi yang telah mendapat rebate cukai pendapatan atas zakat/fitrah dan berapa antara mereka masih ada balance cukai pendapatan yang perlu dibayar selepas rebate tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui peruntukan di bawah Subseksyen 6A(3), Akta Cukai Pendapatan 1967, pembayar cukai individu pemastautin yang beragama Islam dibenarkan menuntut rebat cukai pendapatan ke atas bayaran zakat, fitrah atau apa-apa bayaran yang diwajibkan oleh agama Islam yang dibayar kepada pihak berkuasa agama. Jumlah rebat yang dibenarkan kepada pembayar cukai individu adalah dihadkan kepada jumlah cukai pendapatan yang dikenakan bagi sesuatu tahun taksiran. Kelonggaran yang diberikan ini adalah bertujuan mengurangkan beban pembayaran dua kali iaitu bayaran zakat dan bayaran cukai pendapatan. Manakala bagi pembayar cukai syarikat, zakat perniagaan dibenarkan sebagai tolakan cukai terhad sehingga 2.5% daripada pendapatan agregat syarikat.

Bagi tahun taksiran 2017, seramai 860,688 pembayar cukai individu telah menuntut rebat cukai ke atas bayaran zakat berjumlah RM2.0 bilion manakala sebanyak 2,179 syarikat dan 212 koperasi, masing-masing telah menuntut potongan cukai sebanyak RM218 juta dan RM34 juta.

Bagi tahun taksiran 2017, seramai 575,902 pembayar cukai individu yang masih mempunyai baki cukai pendapatan yang perlu dibayar selepas menuntut rebat cukai pendapatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini mengenai rancangan untuk menghapuskan hutang tidak wajar para peneroka FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan hutang Baja.
2. Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka. Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila ladang tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal tanaman, pokok sawit telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan faktor kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja penanaman semula. Namun, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.
3. Hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula ini dipecahkan kepada dua komponen iaitu kos operasi ladang dan pembiayaan peneroka. Kos operasi ladang adalah kerja-kerja pertanian sebelum, semasa dan selepas menanam sehingga pokok berhasil sampai titik pulang modal. Manakala komponen pembiayaan peneroka pula adalah Pinjaman Sara Hidup dan Pinjaman Pendahuluan Hasil. Ia diberikan kepada peneroka sejak tahun 1994 bagi membiayai pendapatan peneroka ketika tempoh tanam semula.

4. Kementerian mengambil maklum berkaitan hutang Pembangunan Tanam Semula ini juga dikenakan faedah pada kadar 6.25% setahun. Selain itu, peneroka FELDA terpaksa menanggung kos penyelenggaraan jalan pertanian yang turut menyumbang kepada hutang mereka. Selain itu, isu berkaitan bekalan baja dan lain-lain input pertanian bagi kebun-kebun peneroka juga memberi kesan kepada hutang peneroka.
5. Justeru, Kerajaan meneliti secara menyeluruh isu hutang tidak wajar untuk mencari penyelesaian yang terbaik. Perkara ini menjadi sebahagian daripada hala tuju dalam menangani isu-isu yang dibebankan kepada peneroka FELDA. Perincian isu dan langkah penyelesaian akan dicerakinkan dalam pembentangan Kertas Putih FELDA yang akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
12 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 40

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan :-

(a) langkah-langkah jangka pendek dan panjang bagi menangani isu kepupusan haiwan yang terancam seperti harimau dan badak sumbu; dan

(b) apakah pendirian Kementerian berhubung penyahwartaan sebahagian kawasan kompartmen 19, Hutan Simpan kekal Bukit Lagong Mukim Batu dan Rawang, Selangor Darul Ehsan bagi di beri projek pembangunan perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) terus komited bagi menangani isu kepupusan haiwan yang terancam seperti harimau dan badak sumbu melalui langkah-langkah seperti berikut:

1. Langkah Jangka Pendek

- (i) Meningkatkan rondaan penguatkuasaan dan pemantauan harimau di kawasan-kawasan hotspot pemburuan haram di mana 200 kakitangan PERHILITAN kini sedang menjalankan rondaan secara berterusan di 20 lokasi hotspot pemburuan haram Harimau Belang dan spesies terancam yang lain melalui Ops Belang;
- (ii) Meningkatkan rondaan penguatkuasaan di dalam dan luar Kawasan Perlindungan (PA) menerusi program operasi bersepadu dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- (iii) Melaksanakan Operasi Jerat secara berkala di habitat hidupan liar bagi mencari dan memusnahkan jerat;
- (iv) Mengadakan **Kempen Selamatkan Harimau Malaya** selama 2 tahun iaitu 2019 – 2020 dengan tema khusus iaitu

“*Save Our Malayan Tiger*”. Kempen ini telah dilancarkan pada 17 Mac 2019 sempena Hari Hidupan Liar Sedunia 2019;

- (v) Menjadikan tahun 2019 sebagai “Tahun Perangi Jenayah Siber Hidupan Liar” (*Combating Wildlife Cybercrime*) sebagai kempen menangani jenayah hidupan liar atas talian yang semakin berleluasa;
- (vi) Melaksanakan moratorium pemburuan terhadap spesies mangsa harimau seperti Rusa Sambar dan Kijang selama 5 tahun iaitu dari 1 November 2016 hingga 30 November 2021;
- (vii) Meningkatkan program kesedaran awam seperti pameran, ceramah, dialog bersama masyarakat menerusi Jabatan PERHILITAN dan kerjasama dengan pihak NGO yang berkaitan; dan
- (viii) Survei **Badak Sumatera** di lapangan masih diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Ke11 walaupun tiada rekod kehadirannya di habitat asal dicatat sejak tahun 2010.

2. Langkah Jangka Panjang

- (i) Memperbanyakkan program pelepasan sumber makanan seperti Rusa Sambar di habitat-habitat populasi harimau bagi memperbanyakkan sumber makanan kepada harimau;
- (ii) Merancang untuk mewujudkan danewartakan Santuari Harimau Belang di tiga landskap utama iaitu Belum-

Temengor (Perak), Taman Negara (Pahang, Terengganu, Kelantan) dan Endau-Rompin (Rompin);

- (iii) Mewujudkan *National Tiger Conservation Centre* (NTCC) di Lanchang, Pahang bagi menambah populasi harimau untuk dilepaskan ke habitat asalnya;
- (iv) Mengadakan Program Sukarelawan yang melibatkan masyarakat awam untuk bersama-sama terlibat secara langsung membantu kerajaan dalam usaha mencegah jenayah hidupan liar dan pemuliharaan hidupan liar.
- (v) Menjalankan aplikasi Teknologi Pembiakan Termaju (ART) bagi menghalang kepupusan spesies **Badak Sumatera**. Program pernian berhad (Artificial Insemination) dan penghasilan *Embryo* di dalam makmal adalah percubaan untuk meningkatkan kelahiran anak Badak Sumatera. Program ini sedang dijalankan oleh Jabatan Hidupan Liar Sabah bersama pihak *Borneo Rhino Alliance* (BORA) dengan bantuan kepakaran dari pihak Zoo Berlin, Jerman ke atas dua individu yang sedang dipelihara di Rezab Hidupan Liar Tabin, Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Pihak kementerian mengambil maklum bahawa Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 74(2) telah menetapkan bahawa tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Susulan itu, sebarang pewartaan keluar kawasan Hutan Simpanan Kekal yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) merupakan kuasa pihak negeri.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian secara dasarnya tidak bersetuju dengan pewartaan keluar mana-mana Hutan Simpanan Kekal.

Pendirian ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan Malaysia untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan dan pokok-pokok sepertimana yang dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di *Rio de Janeiro* pada tahun 1992. Komitmen ini diperkukuhkan lagi oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa Persidangan Parti Ke-15 Kerangka Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perubahan Iklim (COP15-UNFCCC) di Copenhagen, Denmark pada tahun 2009.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 41

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status kerjasama antara Malaysia dan China :-

- (a) senarai institusi pengajian tinggi China diiktiraf semenjak 28 April 2011 dan bilangan pelajar-pelajar Malaysia di China dan China di Malaysia dari 2000 hingga 2019; dan
- (b) bilangan pelajar-pelajar Malaysia atas tajaan JPA di China dari 2000 hingga 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Berdasarkan statistik yang diuruskan oleh Kementerian, bilangan pelajar dari negara China yang belajar di Malaysia dari tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut :

1. Tahun 2018 : 15,690 orang
2. Tahun 2017 : 14,854 orang
3. Tahun 2016 : 11,718 orang

*Data tahun 2018 adalah sehingga 30 September 2018

Manakala statistik pelajar tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia di China dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seramai 351 orang. Penghantaran pelajar tajaan KPM di China adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan sama ada di sekolah ataupun Universiti Awam di Malaysia. Institusi pengajian tinggi China yang terlibat adalah Beijing Language and Culture University dan Beijing Foreign Studies University.

Lanjutan daripada itu, terdapat **sebanyak 1,243 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di China** yang disenaraikan di bawah perjanjian persefahaman '*Mutual Recognition in Academic Higher Education Qualifications*' yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan China pada 28 April 2011.

Pautan senarai dan maklumat kelayakan akademik tersebut boleh dirujuk di portal MQA <http://www.mqa.gov.my>

(b) Sehingga kini, tiada pelajar yang ditaja di bawah program Penajaan yang mengikuti pengajian di negara China oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Sekian, terima kasih.

RJM 03

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan implikasi kewangan iaitu ganti rugi yang terpaksa ditanggung Kerajaan akibat penangguhan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat maklum, Projek Keretapi Laju Kuala Lumpur - Singapura telah dipersetujui untuk ditangguhkan sehingga 31 Mei 2020. Projek ini ditangguhkan kerana ianya melibatkan komitmen kewangan Kerajaan yang tinggi dan kedudukan kewangan negara pada masa ini tidak mengizinkan.
2. Kos yang terlibat dalam tempoh penangguhan projek adalah kos *abortive* berjumlah SGD15,026,491 yang telah dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Republik Singapura pada 31 Januari 2019. Pembayaran tersebut adalah bagi menampung kos yang telah dibelanjakan oleh pihak Singapura bagi kerja-kerja yang telah dijalankan seperti kerja-kerja pemindahan utiliti dan kerja-kerja tanah.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

12 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH
BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

**TARIKH : 12 MAC 2019
[SELASA]**

SOALAN NO. 43

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembinaan perumahan PR1MA di seluruh negara, juga projek PR1MA yang telah melewati tarikh siap yang dikemukakan buat kali pertama dan jangkaan tarikh siap baharu bagi projek-projek perumahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya, Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 268,076 unit kediaman PR1MA (254 projek). Pada masa ini penumpuan diberikan kepada fasa pertama pembangunan PR1MA iaitu 94 projek (94,639 unit) yang telah ditandatangani perjanjian dengan pihak pemaju. Dari jumlah tersebut, 13,447 unit kediaman siap dibina dan 44,497 unit sedang dalam pembinaan. Manakala jumlah selebihnya iaitu 36,695 unit masih dalam peringkat perancangan. Pecahan unit kediaman yang telah siap dibina mengikut negeri adalah seperti berikut;

Bil.	Negeri	Jumlah Unit
1.	Kedah	3,340
2.	Putrajaya	560
3.	Kuala Lumpur	2,074
4.	Johor	676
5.	Perak	5,112
6.	Selangor	325
7.	Sarawak	1,360
Jumlah		13,447

2. Sehingga kini PR1MA tidak mempunyai sebarang projek yang terbengkalai. Malahan PR1MA menjangkakan lebih banyak projek-projeknya akan memulakan pembinaan setelah memperolehi kelulusan sewajarnya daripada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kelak. Justeru bagi meningkatkan keberkesanan dan pelaksanaan projek, PR1MA sentiasa berunding dengan semua pihak termasuk Kerajaan

Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agensi lain yang berkaitan. Melalui kerjasama erat ini, lebih banyak kediaman PR1MA dapat dilancarkan kepada pemohon pada masa depan.

3. Sebanyak 25 buah projek dijangka mengalami kelewatan (siap melangkaui tarikh asal). Kesemua projek ini telah diluluskan pelanjutan tempoh (*Extension of Time – EOT*) oleh Perbadanan PR1MA. Perincian projek yang telah diluluskan EOT adalah seperti berikut;

Bil.	Negeri	Jumlah Projek
1.	Kedah	4
2.	Perlis	1
3.	Kuala Lumpur	1
4.	Johor	2
5.	Perak	9
6.	Selangor	1
7.	Sabah	3
8.	Negeri Sembilan	1
9.	Melaka	2
10.	Kelantan	1
Jumlah		25

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 44

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil kajian yang dibuat dan keputusan Kerajaan berhubung sekolah kurang murid dan sejauh manakah sasaran 90% guru tempatan Sarawak berjaya dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM) melalui pelbagai strategi bertujuan untuk menangani aspek keberkesanan kos dan peningkatan prestasi murid. Antara strategi tersebut adalah melalui pelaksanaan kelas bercantum dan pengajaran pelbagai gred, penggabungan SKM, pemindahan dan penempatan semula SKM dan SKM dikekalkan atas keperluan.

Manakala bagi Dasar Empowerment 90:10 (Dasar 90:10) pula, data sehingga 26 Februari 2019 menunjukkan jumlah keseluruhan guru KPM yang sedang berkhidmat di Sarawak adalah seramai 41,549. Daripada jumlah tersebut, 87 peratus atau 36,026 orang merupakan guru kelahiran Sarawak. Manakala 13 peratus atau 5,624 orang adalah guru bukan kelahiran Sarawak. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya sasaran pencapaian dasar 90:10 Negeri Sarawak adalah 87:13.

KPM sangat komited untuk memastikan sasaran Dasar 90:10 ini dicapai sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, KPM akan meneruskan pelaksanaan dasar ini selama tiga (3) tahun lagi iaitu sehingga 2021, bagi memastikan sasaran 90 peratus guru kelahiran anak negeri Sarawak berkhidmat di negeri Sarawak dapat dicapai.

Sekian, terima kasih

RJM 04

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 46

Minta **Menteri Hal Ehwal Ekonomi** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan sumbangan sektor perindustrian Sabah yang kini hanya di tahap 7.2% daripada GDP Negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga Disember 2017, sebanyak 761 projek sektor pembuatan dengan pelaburan bernilai RM15.1 bilion telah dilaksanakan di Sabah. Lebih daripada 90,000 pekerjaan telah diwujudkan melalui projek-projek ini yang merangkumi industri pembuatan makanan, kertas, percetakan dan penerbitan, kayu dan produk-produk kayu, kimia dan produk-produk kimia serta produk simen.
2. Bagi memperkasakan sektor pembuatan negara, Kerajaan juga telah melancarkan “Industri4WRD: Dasar Kebangsaan Industri 4.0” pada Oktober 2018. Objektif dasar bertujuan untuk menggalakkan transformasi digital bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan, dengan membantu syarikat-syarikat menggunakan Industri 4.0 secara sistematik dan komprehensif. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memperuntukkan sebanyak RM112 juta bagi membiayai pelaksanaan pelbagai program di bawah Industri4WRD tahun ini.
3. Bagi meningkatkan kesedaran mengenai Dasar Industri4WRD, Penilaian Kesediaan (RA) dan insentif berkaitan, Kerajaan akan menganjurkan program seranta seluruh negara. Selain itu, siri seminar di negeri Sabah turut berfungsi sebagai satu platform untuk syarikat-syarikat yang berminat untuk mendaftar dengan Program RA. Seminar ini juga akan menampilkan sesi perkongsian oleh syarikat pembekal penyelesaian Industri 4.0 tempatan untuk membantu PKS dalam mendapatkan bantuan dalam penerimaan teknologi Industri 4.0. Pemilihan 500 PKS untuk menjalani Penilaian Kesediaan yang dibiayai Kerajaan ini akan merangkumi pelbagai sektor dari setiap negeri.
4. Dalam memperkasakan industri automotif, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Satelit yang pertama di Sabah. Pusat ini dijangka akan melebarkan penggunaan teknologi dalam sektor automotif, robotik dan IoT (*Internet of Things*) serta mobiliti keseluruhan. Program-program di Pusat Satelit MARii Sabah merangkumi aspek reka bentuk produk, reka bentuk proses,

analisa data dan kemudahan latihan khas yang maju untuk meningkatkan penyertaan industri di Sabah dalam aplikasi teknologi canggih untuk pembuatan automotif, barangan selepas jualan dan mobiliti keseluruhan. Selain itu, ianya juga boleh digunakan dalam pelbagai sektor seperti perabot, pertanian, perladangan, minyak dan gas serta perikanan.

5. Selain itu, dalam bidang Aeroangkasa, Kerajaan turut membantu dalam persediaan modal insan di Sabah ke arah aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi khususnya untuk subsektor *Maintenance, Repair, and Overhaul* (MRO). Kerajaan telah meluluskan infrastruktur asas kepada pusat latihan teknikal aeroangkasa di Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) dengan peruntukan sebanyak RM4.16 juta dalam usaha untuk meningkatkan lagi kemahiran tenaga kerja di Sabah. Di samping itu, sepanjang tempoh RMK-9 dan RMK-10, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM60.83 juta bagi membangunkan KKIP sebagai pemangkin dalam pembangunan industri pembuatan di Sabah. Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) akan turut memulakan Kajian Pelan Induk bagi pembangunan Zon Ekonomi Bebas (FEZ) KKIP pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
12 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHARLES ANTHONY**
SANTIAGO [KLANG]
TARIKH : **12 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kesudian Kementerian untuk mempercepat pelaksanaan dasar mengharamkan plastik sekali guna dalam masa 5 tahun berbanding dengan sasaran tahun 2030, memandangkan negara-negara lain telah pun mengharamkan penggunaan plastik sekali guna secara serta-merta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030* merupakan satu pelan jangka panjang kerajaan yang dilaksanakan secara berfasa dalam menangani isu pencemaran sisa plastik sekali guna di Malaysia. Pendekatan secara berfasa adalah penting memandangkan banyak aspek yang perlu diberi perhatian dalam melaksanakan *roadmap* terutamanya penerimaan rakyat, ketersediaan produk-produk alternatif dan kesan ke atas pemain industri yang terlibat.

2. Semasa fasa 1, fokus *Roadmap* adalah untuk mengurangkan plastik sekali guna seperti beg plastik dan straw. Melalui program *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)* yang dilaksanakan, diharap rakyat dapat memahami rasional pengenaaan caj pencemaran ke atas permintaan beg plastik di kaunter-kaunter premis tetap, sekali gus mendorong mereka untuk bertindak atau membuat pilihan yang positif dan mesra alam.

3. Semasa fasa 2, skop *roadmap* akan diperluaskan kepada produk-produk lain seperti bekas pembungkus makanan, plastik pembungkus makanan (*cling film*), kutleri, bekas makanan, putik kapas, poli beg dan pasu; baja perlepasan perlahan (*slow release fertilizers*), peralatan perubatan, lampin pakai buang dan *feminine hygiene*. Sehubungan itu, perlu ada produk-produk alternatif bagi menggantikan produk-produk yang berasaskan plastik ini. Memandangkan alternatif yang murah dan mesra alam bagi plastik sekali guna masih kurang di pasaran, Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan drastik untuk mengharamkan plastik sekali guna secara serta-merta. Produk alternatif ini juga akan diperkenalkan secara meluas setelah ia terbukti boleh terurai dalam persekitaran terbuka tanpa memberikan kesan negatif kepada alam sekitar.

4. Malaysia juga mempunyai industri plastik besar yang memberi peluang pekerjaan yang ramai rakyat. Justeru, Kerajaan perlu memberi ruang masa kepada pemain industri ini untuk mengubah model perniagaan supaya menghasilkan produk- produk yang lebih mesra alam.

5. Pelaksanaan polisi kerajaan dan penguatkuasaan yang teratur adalah antara strategi penting di dalam pelaksanaan *Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics*. Dalam melaksanakannya, Kerajaan mengambil tindakan yang berhati-hati bagi memastikan penggunaan plastik sekali guna dapat dikurangkan. Pengharaman beg plastik tanpa alternatif, perancangan dan penguatkuasaan yang menyeluruh tidak akan dapat mengatasi masalah pencemaran plastik sekali guna secara holistik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
[BELURAN]

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee
[Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil perbincangan yang telah disepakati antara Malaysia dan Singapura berikutan isu sempadan maritim dan ruang udara berkaitan peraturan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mesyuarat dua hala di antara Malaysia dan Singapura telah diadakan pada 7 hingga 8 Januari 2019 di Singapura. Ianya telah dimulakan dengan satu sesi perbincangan awal di antara pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri kedua-dua negara pada 7 Januari 2019 yang telah membincangkan isu-isu berkaitan seperti isu persempadanan maritim dan had pelabuhan, pewujudan Kawasan Larangan Kekal (*Permanent Restricted Area*) (RA) di ruang udara Pasir Gudang dan pelaksanaan Sistem Pendaratan Instrumen (*Instrument Landing System*) (ILS) di Lapangan Terbang Seletar.

3. Susulan dari perbincangan tersebut, saya telah menghadiri mesyuarat 'four-eyed' bersama rakan sejawat iaitu Dr. Vivian Balakrishnan, Menteri Luar Negeri Singapura pada 8 Januari 2019. Hasil daripada pertemuan tersebut, kedua-dua Menteri Luar telah bersetuju supaya satu Kumpulan Kerja dapat ditubuhkan bagi menyelaras isu persempadanan maritim dan had pelabuhan.

4. Kumpulan Kerja ini diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Encik Chee Wee Kiong, Setiausaha Tetap (*Permanent Secretary*) Kementerian Luar Negeri Singapura. Ianya juga melibatkan pegawai kanan agensi kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kumpulan Kerja ini telah mengadakan tiga mesyuarat iaitu pada 28 Januari, 20 Februari dan 6 Mac

2019 dan berbincang, dalam usaha mencapai kesepakatan di kawasan had pelabuhan kedua-dua negara.

6. Di samping itu, mesyuarat ini juga telah menyediakan asas bagi membincangkan isu persempadanan maritim di antara kedua-dua negara. Cadangan-cadangan positif yang telah dibincangkan oleh Kumpulan Kerja tersebut dijangka akan dikemukakan ke peringkat Menteri Luar kedua-dua negara pada 14 Mac 2019.

7. Bagi hasil perbincangan yang telah disepakati antara Malaysia dan Singapura berikutan isu ruang udara berkaitan peraturan Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) pula, susulan dari pertemuan Menteri Luar Negeri Malaysia dan Singapura pada 8 Januari 2019 dan persetujuan pihak Singapura untuk menggantung pelaksanaan ILS bagi tempoh sebulan, pertemuan dua hala pada peringkat teknikal antara pihak Malaysia dan Singapura telah berlangsung di Putrajaya pada 22 Januari 2019, dan pada peringkat Menteri Pengangkutan di Singapura pada 23 Januari 2019.

8. Lantaran itu, kedua negara telah bersetuju untuk melanjutkan penggantungan pelaksanaan ILS sehingga 31 Mac 2019 bagi memberi ruang kepada perbincangan dua hala yang sedang berlangsung antara pihak berkuasa penerbangan awam Malaysia dan Singapura, iaitu *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM) dan *Civil Aviation Authority Singapura* (CAAS). Setakat ini, CAAM dan CAAS telah mengadakan empat (4) mesyuarat untuk membincangkan cadangan tatacara pendaratan alternatif iaitu *Required Navigation Performance* (RNP) bagi Lapangan Terbang Seletar.

9. YB Menteri Pengangkutan boleh memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai hasil perbincangan kedua negara berkaitan perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU

TARIKH : 12.03.2019 (SELASA)

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan modus operandi Kementerian bagi menentukan masyarakat miskin luar bandar di Sarawak dan Sabah dapat menikmati program subsidi pengangkutan bahan api dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai makluman dewan yang mulia ini, bagi subsidi petrol bersasar yang akan dilaksana pada suku tahun kedua tahun ini, penerima perlu mengemukakan permohonan terlebih dahulu kepada Kementerian. Permohonan tersebut akan diproses dan golongan yang layak akan dimaklumkan untuk menerimanya.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada menerima subsidi tersebut, Kementerian ini menyarankan untuk menggunakan Pusat Khidmat Rakyat mengikut Parlimen di negeri-negeri tersebut bagi mengumpul maklumat pemohon dan membuat hebahan melalui media atau surat. Inisiatif ini telah berjaya dilaksanakan di bawah program Bantuan Sara Hidup (BSH) dan boleh diterus dan dikembangkan lagi bagi menentukan masyarakat miskin luar bandar di Sarawak dan Sabah dapat menikmati program subsidi pengangkutan bahan api dan sebagainya.

Buat masa ini, masyarakat luar bandar di Sabah dan Sarawak terlibat dengan Program Penyeragaman Harga di mana Kerajaan menanggung kos pengangkutan untuk membawa masuk bekalan tujuh (7) barangan keperluan asas iaitu beras, gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON 95 dan diesel. Melalui program ini, masyarakat luar bandar boleh mendapatkan bekalan barangan ini pada harga yang dikawal oleh Kerajaan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
KAWASAN : PETRA JAYA
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak Fasa 2 yang dicadangkan untuk tidak melalui negara Brunei Darussalam dan berapakah perbezaan kos antara cadangan laluan asal dan laluan baru ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang dalam proses akhir penelitian bagi mengenal pasti jajaran Jalan Perhubungan Sarawak - Sabah (Sarawak - Sabah Link Road) yang tidak melalui Negara Brunei Darussalam. Kajian tersebut turut mengambil kira implikasi kos dan teknikal serta sosio-ekonomi dan guna tanah di kawasan pedalaman di utara negeri Sarawak iaitu melibatkan kawasan Baram, Limbang dan Lawas dan seterusnya menghubungkan ke negeri Sabah (Sindumin dan Long Pasia). Anggaran kos terlibat ialah sebanyak RM 4 bilion melibatkan jarak sekitar 400km. Namun demikian, kajian tersebut juga akan menentukan anggaran kos sebenar dengan mengambil kira tiada pertindihan jajaran dengan agensi kerajaan lain iaitu Kerajaan Negeri Sarawak dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLW).

Sekian, terima kasih.

EMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : 51

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) menamatkan 52 peserta program pascasiswazah Diploma Pengurusan Awam (DPA) 2018 dengan mengubah markah lulus dari "B" kepada "A-" selepas program telah bermula dan hanya adanya 2 bulan sebelum program tersebut tamat.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 52 pegawai (48 pegawai tetap & 4 pegawai kontrak) daripada 86 pegawai (81 pegawai tetap & 5 pegawai kontrak) yang merupakan peserta Program DPA Bil.1/2018 mulai 16 April 2018 hingga 8 Februari 2019 telah ditamatkan berkuat kuasa 3 Disember 2018 berikutan prestasi pencapaian semasa peserta yang tidak mencapai gred minimum lulus iaitu gred A- yang telah ditetapkan bagi komponen sahsiah (komitmen dan disiplin) atau komponen akademik. Perincian prestasi peserta tersebut adalah seperti berikut:

- a) 2 peserta gagal komponen akademik;
- b) 48 peserta gagal komponen sahsiah (termasuk 4 peserta lantikan kontrak); dan
- c) 2 peserta gagal kedua-dua komponen

Prestasi pencapaian semasa peserta ini telah dibentangkan oleh pihak INTAN di dalam Mesyuarat Khas Penilaian Peserta Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) Tahun 2018 pada 23 November 2018.

Tindakan penamatan Program DPA ini adalah selaras dengan **perenggan 4.4, 6.2 dan 9** dalam Surat Tawaran Untuk Mengikuti Program DPA Bil. 1/2018 serta **fasal 9** Borang Perjanjian Pegawai Kontrak yang telah ditandatangani.

Bagi pegawai lantikan tetap daripada 52 orang peserta program yang tidak mencapai gred minimum lulus, penamatan dari mengikuti Program DPA ini menyebabkan pegawai dikembalikan ke Jabatan asal dan Ketua Perkhidmatan pegawai berkuat kuasa pada tarikh yang sama. Pegawai tidak terjejas dari segi kekananan dan kelayakan pegawai di skim perkhidmatan semasa memandangkan pegawai masih menikmati semua kemudahan

SOALAN NO. 51

serta kelayakan termasuk gaji, elaun dan sebagainya yang layak diterima di skim perkhidmatan semasa mengikuti Program DPA ini. Malah pegawai masih dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat di skim perkhidmatan semasa walaupun sedang mengikuti Program DPA ini.

Manakala bagi pegawai lantikan kontrak, penamatan dari mengikuti Program DPA ini secara langsung juga menyebabkan perkhidmatan secara kontrak pegawai ditamatkan berkuat kuasa pada tarikh yang sama, dengan pembayaran sebulan gaji sebagai menggantikan notis 30 hari.

Berkenaan dengan isu pindaan gred minimum lulus daripada gred B kepada gred A-, adalah menjadi hasrat awal pihak Pengurusan Tertinggi bahawa pencapaian prestasi peserta Program DPA Khas ini mestilah lebih baik daripada pencapaian peserta Program DPAambilan biasa ke Gred M41 memandangkan persetujuan Kerajaan untuk melantik mereka kelak pada gred setara dengan gred di skim perkhidmatan asal peserta (*grade to grade*). Selain itu, kaedah pengambilan khas peserta ini dirangka khas dan tidak sama seperti pengambilan sedia ada ke Gred M41, di samping peserta merupakan penjawat awam yang telah berada di dalam perkhidmatan awam sekurang-kurangnya lima (5) tahun yang seharusnya mempamerkan tahap komitmen serta prestasi yang cemerlang dalam semua aspek penilaian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 52

Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Skim Perlindungan nasional B40 (MYSalam) yang dilancarkan pada 24 Januari 2019 hanya memilih Great Eastern Life Assurance Malaysia sebagai penyumbang tetapi tidak kepada syarikat insurans yang lain dan berapa lamakah program seperti ini dapat dikekalkan oleh Kerajaan sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan 2 soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat lain memandangkan ia melibatkan isu yang sama, iaitu:-

- Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] pada 18 Mac 2019; dan
- Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] pada 1 April 2019.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemegang saham asing *Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad* telah memilih untuk memberi sumbangan kepada skim MySalam sebagai penyelesaian alternatif kepada komitmen mereka bagi mengurangkan pegangan saham mereka kepada tahap tidak melebihi 70%. Pemegang saham asing lain yang perlu mematuhi syarat pelupusan saham asing juga diberi pilihan yang sama. Kerajaan berhasrat untuk membolehkan pesakit yang terdiri daripada orang awam mendapat manfaat yang selama ini dikhususkan kepada golongan elit dan berada.

3. Semua syarikat insurans dan pengendali takaful di Malaysia dialu-alukan untuk menyertai skim ini selaras dengan inisiatif untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporat dan menyokong matlamat pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Syarikat insurans dan pengendali takaful yang menyertai skim ini, termasuk *Great Eastern Takaful Berhad*, dikehendaki mematuhi prinsip berikut:-

- Kecekapan kos – Perlindungan tersebut akan diuruskan dan ditaja jamin pada harga kos, di mana keuntungan akan dikembalikan semula kepada skim ini;
- Perkhidmatan dan jangkauan yang berkesan – Tahap standard perkhidmatan perlu dikekalkan dan usaha meningkatkan kesedaran yang memuaskan perlu dilaksanakan untuk penerima skim ini; dan
- Pengurusan data skim – Segala undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan dan kerahsiaan data, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (*Personal Data Protection Act 2010*) perlu dipatuhi. Data yang dikumpul ialah kepunyaan skim ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 53

Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi dan inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 8A untuk peperiksaan SPM diberikan tempat dalam program matrikulasi Kerajaan. Adakah Kementerian bersedia untuk menaja pelajar- pelajar cemerlang ini untuk melanjutkan pelajaran di IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kemasukan ke Program Matrikulasi masih mengekalkan pengiraan merit pencapaian pelajar dengan mengambil kira gabungan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum. 90 peratus skor merit diperoleh daripada kombinasi empat mata pelajaran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang ditetapkan, manakala 10 peratus skor merit diperoleh daripada markah kokurikulum pelajar di sekolah. Ini bermakna pelajar yang ditawarkan tempat ke Program Matrikulasi KPM bukan sahaja perlu cemerlang dalam peperiksaan SPM tetapi juga perlu cemerlang dalam pencapaian kokurikulum.

Pada masa ini tawaran tajaan Biasiswa di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pelajar lepasan SPM hanya ditawarkan kepada peringkat pendidikan tinggi di Universiti Awam (UA) sahaja. Walau bagaimanapun, Kementerian bersedia menimbang untuk menaja pelajar ke Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sekiranya program-program tertentu tidak ditawarkan di UA.

Sekian, terima kasih

RJM 05

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 54

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca penurunan mata wang Ringgit susut 1.8 peratus berbanding dolar AS pada 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 8 Mac 2019, nilai ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.1 peratus manakala nilai mata wang serantau yang lain telah menyusut sebanyak 0.5 peratus hingga 2.2 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Prestasi ringgit juga adalah lebih stabil berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit telah menambah nilai sebanyak 0.3% berbanding rupiah Indonesia, 1.2% berbanding renminbi China dan 1.3% berbanding baht Thailand bagi tempoh yang sama. Prestasi yang lebih stabil ini berikutan asas ekonomi negara yang lebih teguh termasuk lebihan akaun semasa.

2. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, faktor utama kejatuhan nilai ringgit pada 2018 adalah akibat aliran keluar dana asing yang didorong oleh:

- a. ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat - China;
- b. kenaikan kadar faedah oleh bank pusat AS menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan "ekonomi sedang pesat membangun" (*emerging economies*); dan
- c. kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi

dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan pelbagai langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

4. Langkah tersebut termasuk penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 55

TUAN JONATHAN YASIN minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER
ASLI** menyatakan bilakah Pembinaan Loji Rawatan Air Kundasang akan
dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Kundasang telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan peruntukan sebanyak RM161,930,233.00. LRA ini dijangka menampung sehingga 15 juta liter sehari (JLH) bagi kawasan sekitar penduduk Kundasang.

Projek ini telah melalui proses penilaian tender. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan April 2019. Projek ini dijangka siap pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : 56

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah kakitangan perkhidmatan awam yang telah diberhentikan sejak Jun 2018 sehingga kini.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada pegawai Kerajaan lantikan tetap yang diberhentikan. Walau bagaimanapun, sejak Jun 2018, hanya 1,691 (11.3%) pegawai daripada sejumlah pegawai lantikan kontrak seramai 14,869 orang telah ditamatkan kontrak kerana projek atau tugas yang dilaksanakan oleh pegawai berkenaan telah tamat dan tidak lagi diteruskan oleh agensi berkenaan, manakala 13,178 (88.7%) akan terus kekal berkhidmat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 57

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah transformasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) akan dilakukan untuk menepati keperluan semasa, dan adakah Kementerian akan melakukan kerjasama antara Kerajaan dan swasta untuk membangunkan pendidikan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mulai tahun 2012 bagi mengangkat martabat pendidikan vokasional sebagai aliran perdana. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025, TPV diperhebat apabila diletakkan menjadi salah satu Aspirasi Sistem, iaitu akses kepada pendidikan berkualiti.

Dalam usaha untuk memastikan TPV relevan dengan keperluan industri, KPM telah dan sedang menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta / industri dalam memperkasakan TVET. Sehingga kini, sebanyak 825 *Memorandum of Understanding* (MoU) telah dibuat bersama industri sejak tahun 2013, sebanyak 609 *Note of Understanding* (NoU) di dalam dan luar negara serta sebanyak 5137 *Letter of Intent* (LOI) telah ditandatangani.

KPM juga telah menandatangani MoU bersama-sama pihak Sabah Shell, Sarawak Shell, Panasonic, Perodua, *United Engineers Malaysia Berhad* (UEM) dan Kedah Industrial Skills and Management Development Centre (KISMEC). Input daripada industri amat penting kepada KPM bagi penambahbaikan kepada kurikulum dan penggunaan peralatan berteknologi tinggi dan bersesuaian dengan peluang pekerjaan yang ditawarkan.

Antara inisiatif yang diambil dalam transformasi TVET adalah:

1. Menawarkan program berteknologi tinggi dan nilai tinggi dan bersifat DOFA iaitu *Dynamic, Organic, Fluid dan Agile* mengikut kehendak industri setempat agar sentiasa relevan dan responsif.
2. Memastikan program yang ditawarkan mendapat akreditasi dan pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia atau badan professional seperti Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC), Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC), termasuk

perolehan pengiktirafan antabangsa dari agensi luar seperti Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC).

3. Mengupaya industri dengan aktiviti kolaborasi industri berimpak seperti membawa masuk industri ke institusi, atau menggunakan fasiliti industri bagi memberi pendedahan kepada pelajar dengan dunia sebenar pekerjaan.
4. Program *Industry on Campus* dengan membawa persekitaran sebenar industri ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk merapatkan jurang atribut graduan dengan keperluan sebenar industri.
5. Sumbangan atau perkongsian peralatan di mana industri membawa masuk peralatan ke dalam institusi.
6. *Research & Development* bersama industri yang melibatkan penambahbaikan produk/servis termasuk Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN).
7. Penubuhan Majlis Penasihat Industri (MPI) yang berperanan memberi khidmat nasihat dalam aktiviti akademik dan kolaborasi.
8. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Kebolehpasaran (EAC) yang berperanan menyediakan maklumat hala tuju industri dan implikasinya terhadap permintaan dan bekalan tenaga kerja serta memberi input mengenai isu-isu semasa yang berkaitan pekerjaan buruh sektor negara bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]
TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 58

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status proses pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Dalit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Dalit, Keningau telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Skop bagi projek ini merangkumi 18 bilik darjah, enam (6) unit rumah guru, asrama 200 murid (100 murid lelaki dan 100 murid perempuan) dan lain-lain kemudahan. Projek pembinaan sekolah tersebut adalah projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini sedang dilaksanakan dan berada pada status pra bina dan penyediaan dokumen tender.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Chan Foong Hin
[Kota Kinabalu]

TARIKH : 12 Mac 2019 (Selasa)

SOALAN NO. 59

Tuan Chan Foong Hin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan** sama ada Kementerian akan mengkaji semula pemberhentian pengangkutan *transshipment* beras di semua pelabuhan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang mengkaji aktiviti *transshipment* beras di semua pelabuhan di Malaysia.

Sehubungan itu, **satu (1) Jawatankuasa Bertindak (Task Force)** yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Luar Negeri (KLN) **telah ditubuhkan** untuk mengkaji serta mengemukakan cadangan berkaitan dengan pelaksanaan *transshipment* dagangan beras di semua pelabuhan negara. Terdapat dua aspek yang akan dinilai dalam membuat keputusan bagi membenarkan pelaksanaan *transshipment* dagangan beras iaitu aspek perundangan dan aspek penguatkuasaan.

Penelitian mengenai segala perkara yang berbangkit sedang dilaksanakan dan dijangka satu keputusan baharu berhubung dengan pelaksanaan *transshipment* dagangan beras akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]**

TARIKH : 12.03.2019 (SELASA)

SOALAN : 60

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa tindakan atau langkah-langkah perlu dan sedang diambil sebagai “follow-up affirmative actions” oleh Kerajaan Malaysia ekoran daripada komitmen Perdana Menteri melalui ucaptama yang disampaikan di Forum “10th Annual Conference and General Meeting of the International Association of Anti-Corruption Authorities” yang telah diadakan pada 21 Januari 2019 di Vienna, Austria.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Kaput, apa yang telah diucapkan oleh YAB Perdana Menteri di Forum “10th Annual Conference and General Meeting of the International Association of Anti-Corruption Authorities” adalah menzahirkan komitmen kerajaan di bawah pimpinan beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bebas rasuah.

YAB Perdana Menteri juga turut memberikan komitmen untuk memastikan kesalahan rasuah disiasat habis-habisan khususnya yang melibatkan skandal 1MDB. Justeru, langkah yang sedang diambil sebagai follow-up affirmative actions” oleh Kerajaan Malaysia telah dibuktikan dengan pelancaran Pelan Antirasuah Nasional pada 29 Januari 2019 ke arah untuk menjadikan Malaysia dikenali kerana integriti dan bukan kerana rasuah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 61

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar Kerajaan berhubung cadangan pengharaman ketum. Mohon nyatakan:

- a) Bagaimana tanaman ketum ini dapat dikawal bagi mengelakkan penyalahgunaannya dan apakah rasional untuk membenarkan penanaman ketum untuk tujuan perubatan boleh mengatasi mudarat yang kini diakibatkan dari penyalahgunaannya ; dan
- b) Adakah Kerajaan akan meminda undang-undang berkait ketum untuk disenaraikan di bawah Akta Dadah Berbahaya.

JAWAPAN**Yang di-Pertua,**

Alkaloid *mitragynine* yang didapati di dalam daun kratom (ketum) telah disenaraikan sebagai bahan psikotropik di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 [Akta 366] semenjak tahun 2003 dan terdapat kawalan khas ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan, pemilikan dan penggunaannya di bawah Peraturan-peraturan Racun (Bahan-bahan Psikotropik) 1989. Walaupun Akta 366 memperuntukkan kawalan ke atas *mitragynine*, namun ia tidak merangkumi kawalan ke atas penanaman pokok ketum. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses meminda Akta 366 bagi merangkumi kawalan ke atas tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum. Pindaan ini akan memperuntukkan larangan ke atas aktiviti perladangan, penanaman, pengimportan, pengeksportan, pembekalan, penjualan dan pemilikan tumbuhan psikoaktif seperti pokok ketum. Larangan berkaitan pengambilan ketum juga akan diperuntukkan untuk mengekang penyalahgunaannya. Peruntukan hukuman yang lebih *deteren* bagi kesalahan-kesalahan berkaitan ketum juga akan diperuntukkan. Cadangan kawalan ini adalah untuk membendung masalah penggunaan ketum yang mempunyai banyak kesan negatif kepada masyarakat dan negara.

Peruntukan kawalan ke atas penanaman ketum yang dicadangkan bukanlah bersifat larangan mutlak. Penanaman boleh dipertimbangkan untuk tujuan tertentu seperti tujuan penyelidikan dan perubatan. Peraturan-peraturan berkaitan penanaman ketum akan diwujudkan bagi memastikan terdapat kawalan yang jelas bagi mengelakkan penyalahgunaannya. Rasional dalam membenarkan penanaman ketum untuk tujuan tertentu ini adalah bagi membolehkan kajian yang lebih mendalam ke atas potensi ketum dalam bidang perubatan dapat dijalankan dengan teratur. Sekiranya didapati kesan mudaratnya melebihi daripada faedah perubatan, penanaman ketum mungkin boleh dilarang sepenuhnya. Pada masa kini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyenaraikan ketum atau alkaloidnya ke dalam Akta Dadah Berbahaya 1952.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI JALALUDDIN
BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : **12 MAC 2019
[SELASA]**

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sehingga Februari 2019, adakah berlakunya lambakan rumah lot Bumiputera yang tidak terjual di setiap negeri dan apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data dari Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), jumlah lambakan rumah yang tidak terjual termasuk kuota bumiputera bagi suku ketiga tahun 2018 adalah sebanyak 30,115 unit meliputi rumah teres, rumah berkembar, *town house*, *kluster*, apartmen, dan kondominium bernilai RM19.53 Billion.

2. Antara perancangan dan langkah-langkah yang telah dikenal pasti dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah lambakan unit rumah yang tidak dijual termasuklah unit bumiputera adalah seperti berikut:
- (a) Melaksanakan pelan pemasaran seperti pemberian diskaun/rebat oleh pemaju swasta/PR1MA/SPNB sekurang-kurangnya 10%;
 - (b) Mengadakan program pemasaran secara berterusan di seluruh Malaysia mengikut zon/negeri melalui Program *Home Ownership Campaign* (HOC) bagi tahun 2019;
 - (c) Pemberian insentif kepada bakal pembeli melalui pengecualian duti setem;
 - (d) Cadangan kepada pemaju untuk membuat kajian pasaran (*market study*) bagi memastikan pembangunan di sesuatu lokasi mengikut permintaan (*demand*);
 - (e) Bagi unit kuota Bumiputera yang tidak terjual, kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membuat pemantauan bersama dengan pemaju bagi memastikan unit kuota Bumiputera ini dapat dijual; dan
 - (f) Menambah baik skim pembiayaan perumahan terutamanya bagi kumpulan B40 dan M40 bagi meningkatkan aksesibiliti kepada pemilikan perumahan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]
TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)
SOALAN : 63

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah kerja-kerja fizikal menaik taraf Jalan Ulu Krian akan bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Ulu Krian, Saratok, Sarawak telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan 2*, Tahun 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah RM16 juta. Skop projek ini adalah menaiktaraf jalan sepanjang 10.25 km. Status semasa bagi projek ini adalah telah ditender pada bulan Januari 2019 dan dijangka dikeluarkan surat Setuju Terima (SST) pada bulan April 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah dan peratus sumber minyak dan gas asli yang belum lagi diterokai dan sejauh manakah hasil daripada sumber minyak dan gas asli ini mampu untuk bertahan bagi membantu perkembangan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa jumlah sumber minyak dan gas yang ditemui di Malaysia termasuk lapangan yang belum beroperasi adalah sekitar **6.7 Billion tong minyak setara (Bboe – Barrels of Oil Equivalent)**.
2. Pecahan rizab sumber minyak dan gas adalah seperti berikut:
 - (i) Semenanjung Malaysia mempunyai rizab minyak mentah dan gas berjumlah **2.2 Bboe**;
 - (ii) Sarawak mempunyai **2.8 Bboe**; dan
 - (iii) Sabah mempunyai **1.7 Bboe**
3. Berdasarkan tahap pengeluaran purata tahunan semasa, rizab minyak dan gas dijangka dapat **bertahan selama 10 tahun sahaja**. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) untuk meneruskan usaha dan kerjasama secara berterusan dalam pencarian rizab-rizab baharu di dalam dan luar negara terutama bagi lapangan laut dalam (*deepwater*).
4. Walau bagaimanapun, pencarian dan eksplorasi ini melibatkan kos yang amat tinggi iaitu sekitar 70 hingga 80 peratus kos pengeluaran disebabkan oleh kerumitan (*complexity*) dan risiko yang perlu dihadapi oleh PETRONAS.
5. Penemuan rizab-rizab baharu diharap akan dapat memanjangkan jangka masa rizab minyak dan gas negara selain memastikan sumber bekalan yang terjamin untuk negara.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
12 Mac 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN WONG SHU QI
[KLUANG]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 65

Y.B. PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pembayaran balik GST buat masa ini seperti berikut:-

- (a) jumlah kes tuntutan telah dijelaskan serta jumlah amaun pembayaran telah dibuat; dan
- (b) senarai amaun tuntutan 100 tertinggi yang belum dibayar oleh Kerajaan buat masa ini dan syarikat yang menuntut amaun tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah *refund* GST yang telah diproses dan dibayar oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tahun 2019 sehingga 3 Mac 2019 adalah **RM4.0184 bilion** yang melibatkan sebanyak **54,603** Registran. Amaun tuntutan bagi 100 syarikat tertinggi yang masih belum dibayar dan disahkan untuk pembayaran adalah sebanyak RM9.36 bilion, yang mana melibatkan 1,028 penyata.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

**DARIPADA : Dato' Dr. Noraini Ahmad
[Parit Sulong]**

SOALAN : 66

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah fungsi dan peranan yang telah dimainkan oleh Majlis Penasihat Kerajaan dan apakah Kerajaan akan mengeluarkan laporan mengenai prestasi dan hasil siasatan Majlis Penasihat ini kepada orang awam.

**JAWAPAN: YB Datuk Liew Vui Keong
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) telah diumumkan penubuhannya pada 12 Mei 2018 dan mereka telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018. Matlamat utama penubuhan Majlis ini adalah untuk menasihatkan Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian mengikut keadaan dari semasa ke semasa.

NO. SOALAN: 66

3. Pihak Kerajaan telah pun menerima secara berperingkat laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Walau bagaimanapun, seperti mana yang pernah dimaklumkan di dewan yang mulia ini, sama ada pandangan mereka diterima atau tidak tertakluk kepada pertimbangan Jemaah Menteri atau Parlimen. CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat yang tidak mempunyai kuasa atau peruntukkan di bawah Perlembagaan ataupun undang-undang Negara. Ini bermakna, Kerajaan sama sekali tidak terikat untuk menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh CEP.

4. Memandangkan laporan yang dikemukakan masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk laporan tersebut didedahkan kepada umum akan hanya diputuskan setelah laporan-laporan tersebut diteliti.

5. Apa yang lebih penting, Kerajaan akan sentiasa bersikap peka dan prihatin terhadap semua perkara atau pandangan yang diberikan dalam laporan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : 67

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan status kes-kes jenayah berikut:-

- (a) dakwaan seorang gadis dirogol oleh seorang polis di dalam tandas sebuah balai polis di Sarikei pada Oktober 2018; dan
- (b) dakwaan seorang pelabur kehilangan wang tunai berjumlah RM7.9 juta di kondominiumnya selepas digeledah sepasukan polis Jabatan Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada 8 September 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Pihak PDRM telah menjalankan siasatan berkaitan Sarikei Report 3337/18 bertarikh 29 Oktober 2018 mengenai dakwaan seorang gadis telah dirogol di dalam tandas Balai Polis Sarikei pada bulan Oktober 2018. Suspek seorang anggota polis telah dituduh di Mahkamah pada 27 Februari 2019 di bawah seksyen 376 dan seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Bagi menjawab soalan (b), Pihak PDRM telah menjalankan siasatan berkaitan Pudu Report 10057/2018 yang disiasat di bawah seksyen 380 Kanun Keseksaan (mencuri dalam rumah kediaman) atas dakwaan kehilangan wang tunai sebanyak RM 7.9 juta milik seorang pelabur semasa serbuan oleh pihak polis di sebuah kondominium di Kuala Lumpur.

Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pengarah Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur pada 25 September 2018, 5 Oktober 2018 dan 5 November 2018 dan telah kembalikan semula untuk pihak Polis mengambil beberapa tindakan lanjut. Kertas siasatan berkenaan telah dirujuk semula kepada pihak Pendakwa Raya pada 27 Januari 2019 untuk mendapat arahan selanjutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

a) Adakah Kementerian bercadang memperkenalkan penanaman hemp sebagai tambahan kepada penanaman kenaf yang kini dititikberatkan memandangkan hemp boleh menghasilkan minyak cannabis atau cannabidiol (CBD) yang kini dibenarkan oleh banyak negara untuk penggunaannya merawat penyakit termasuk kanser.

b) Apakah insentif untuk penanaman hemp dan kenaf sebagai tanaman ladang/industri alternatif dan prosedur untuk memohon insentif-insentif tersebut dan adakah Kementerian bercadang menjalankan penyelidikan terperinci terhadap penggunaan CBD untuk merawat kanser dan sekiranya ada keperluan untuk sebuah hospital untuk merawat khas untuk kanser, bolehkah Kerajaan mempertimbangkan penggunaan Hospital Tambunan atau Hospital Keningau untuk penyelidikan dan pengubatan kanser.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Di Malaysia, Hemp, ganja atau kanabis iaitu mana-mana bahagian tumbuhan daripada genus *Cannabis Sativa* merupakan dadah berbahaya yang dikawal di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234]. Kanabis juga merupakan racun yang dikawal di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366]. Akta-akta ini dan peraturan-peraturannya

memperuntukkan kawalan antaranya ke atas aktiviti pengimportan, penjualan, pembekalan dan pemilikannya.

Selain itu, persediaan (ubat) untuk tujuan perubatan adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 di mana semua ubat yang ingin dipasarkan di Malaysia perlu didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum bahawa terdapat usul daripada pihak tertentu supaya membenarkan penanaman hemp sebagai tambahan penanaman kenaf. Secara umumnya, pada masa ini, peruntukan undang-undang sedia ada tidak membenarkan penanaman hemp secara komersil. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah memutuskan supaya Kementerian Air Tanah Sumber Asli mengkaji kebolehlaksanaan cadangan penanaman hemp secara komersil, manakala Kementerian Kesihatan Malaysia bekerjasama dengan memberi input yang berkaitan.

Dari segi penggunaan **cannabidiol (CBD)** dan **produk yang berasaskan ganja** untuk tujuan perubatan, sekiranya terdapat data-data *clinical* yang membuktikan ia adalah selamat, berkualiti dan berkesan dalam rawatan apa-apa juga penyakit, persediaan tersebut boleh dipertimbangkan untuk didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 dan seterusnya dipasarkan di Malaysia.

Undang-undang Malaysia mempunyai peruntukan yang jelas mengenai kawalan ke atas pemilikan dan pengedaran persediaan untuk tujuan perubatan ini. Namun begitu, pada masa kini, tiada produk yang mengandungi kanabis atau ekstrak kanabis yang didaftarkan dengan PBKD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 12 MAC 2019
**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN
HAMIDI**
KAWASAN : BAGAN DATUK

SOALAN:

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi [Bagan Datuk] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah perang perdagangan antara Republik Rakyat China (RRC) dan Amerika Syarikat (AS) memberi kesan kepada prestasi import dan eksport Malaysia sepanjang tahun 2018.

JAWAPAN

Prestasi Perdagangan Malaysia 2018

1. Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2018 kekal mampan, berkembang sebanyak 5.9% kepada RM1.876 trilion, berbanding RM1.771 trilion pada tahun 2017, disokong oleh pertumbuhan eksport yang lebih kukuh daripada jangkaan. Walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, eksport meningkat 6.7% mencecah nilai RM998.01 bilion, melepasi unjuran pertumbuhan sebanyak 4.4% menurut Laporan Ekonomi 2018/2019 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Import meningkat 4.9% kepada RM877.74 bilion.
2. Lebihan dagangan meningkat 22.1% kepada RM120.27 bilion, mencatatkan kadar terpanas dalam tempoh 10 tahun dan lebihan dagangan yang tertinggi sejak 2012. Ini merupakan lebihan dagangan ke-21 tahun berturut-turut sejak tahun 1998.

3. Pencapaian ini disumbang oleh perdagangan yang lebih tinggi dengan Hong Kong SAR, yang berkembang 45.2%, RRC (↑8.1%), ASEAN (↑4.7%), Taiwan (↑22.1%), Kesatuan Eropah (EU) (↑4.8%), Arab Saudi (↑45.2%), Republik Korea (↑7.2%), Australia (↑4.8%), Bangladesh (↑27.3%) dan AS (↑1.1%).

Prestasi Perdagangan Malaysia-AS 2018

4. Jumlah perdagangan Malaysia dengan AS pada 2018 telah merekodkan pertumbuhan sebanyak 1.1% kepada RM155.68 bilion. Eksport ke AS meningkat 2.3% kepada RM90.73 bilion, manakala import dari AS menurun 0.5% kepada RM64.94 bilion.
5. Peningkatan eksport pada 2018 dipacu oleh barangan perkilangan yang naik 3.1% kepada RM87.4 bilion dan menyumbang 96.3% kepada jumlah eksport Malaysia ke AS. Kenaikan eksport turut disokong oleh eksport yang lebih tinggi bagi barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan, barangan perkilangan logam, jentera, kelengkapan dan peralatan, keluaran getah serta kimia dan bahan kimia yang mengimbangi penurunan eksport barangan E&E.
6. Eksport barangan E&E menyusut 3.9% atau RM1.9 bilion, menurun buat pertama kali sejak 2014. Barangan ini menyumbang 52.1% daripada jumlah eksport Malaysia ke AS.

RRC – Rakan Dagang Terbesar Malaysia 10 Tahun Berturut-Turut

7. RRC kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia bagi 10 tahun berturut-turut sejak 2009. Pada tahun 2018, perdagangan Malaysia dengan RRC meningkat 8.1% kepada RM313.81 bilion yang merangkumi 16.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia.
8. Eksport ke RRC berkembang 10.3% kepada RM138.88 bilion, didorong oleh kenaikan eksport kimia dan bahan kimia, barangan E&E, gas asli cecair (LNG), barangan perkilangan logam, barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan dan barangan makanan diproses.
9. Rekod dagangan dua hala tersebut masih berkembang positif dan RRC masih kekal sebagai destinasi eksport utama, dan belum menunjukkan perubahan ketara dalam struktur perdagangan Malaysia-RRC.

10. Economist Intelligence Unit (EIU) menjangkakan bahawa perang dagangan AS dengan RRC akan mempengaruhi kebanyakan ekonomi negara-negara dunia termasuk ASEAN dan rakan dagangan AS dan RRC disebabkan oleh faktor saling kebergantungan rangkaian bekalan (*interconnected supply chain*) dalam pasaran global. UNCTAD menganggarkan bahawa kira-kira dua pertiga daripada rangkaian dagangan dunia berlaku melalui pengeluaran global. Disebabkan oleh faktor saling kebergantungan ini, kesan konflik perdagangan bukan sahaja dirasai oleh AS dan RRC, tetapi juga negara-negara anggota ASEAN termasuklah Malaysia. Sungguhpun demikian, setakat ini kesan perang dagangan tersebut ke atas perdagangan Malaysia-RRC dan Malaysia-AS masih berkembang positif dan belum menunjukkan perubahan yang ketara.
11. Sehingga kini tidak ada sebarang maklumat terkini dikeluarkan oleh AS berkenaan perbincangan yang diadakan bersama RRC baru-baru ini. Presiden Donald Trump dalam tweetnya pada 25 Februari menyatakan bahawa beliau sangat gembira dengan kemajuan yang dicapai dalam perbincangan perdagangan di antara AS dengan RRC terutamanya mengenai isu struktur penting termasuk perlindungan harta intelektual, pemindahan teknologi, pertanian, perkhidmatan, mata wang dan lain-lain isu.

Sekian.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status perkembangan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak setakat ini dan mekanisme pemantauan penyelenggaraan jalan yang rosak serta jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan jumlah peruntukan yang masih diperlukan (termasuk pampasan tanah dan sebagainya) supaya Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dapat disiapkan dalam masa yang terdekat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2019, prestasi kemajuan fizikal keseluruhan bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sarawak melibatkan jajaran dari Telok Melano hingga ke Miri ialah sebanyak 36% berbanding jadual 42%. Manakala mekanisme penyenggaraan bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sarawak merupakan adalah di sebahagian daripada skop pembinaan oleh dilaksanakan oleh Kontraktor Pakej Kerja (*Work Package Contractor – PDP*) yang diselia oleh Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner – PDP*). Bagi memastikan isu keselamatan pengguna tidak dikompromi, KKR telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM3.43 juta bagi tahun 2019 untuk melaksanakan skop kerja-kerja penyelenggaraan berkala di luar dari kontrak WPC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Negeri Sarawak melibatkan anggaran kos pembinaan sebanyak RM16.488 bilion yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan melalui:

1. Peruntukan Pembangunan sebanyak RM1 bilion selama 5 tahun bagi tempoh RMKe-11 (2016-2020); dan
2. Baki kos projek dibiayai oleh terbitan bon/sukuk oleh DanaInfra Nasional Berhad iaitu *Special Purpose Vehicle (SPV)* yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 12 MAC 2019

SOALAN : NO. 72

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi bagi memastikan daya saing kereta nasional ketiga dalam pasaran tempatan dan ASEAN.

JAWAPAN : YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dunia kini menyaksikan perkembangan teknologi yang cukup pesat dan pantas selaras dengan revolusi industri keempat. Begitu juga dengan kereta-kereta yang dihasilkan pada masa kini yang cukup sarat dengan teknologi baru untuk memudahkan pemanduan dan menjadikan pemanduan lebih selamat.

Projek kereta nasional baharu mempunyai pendekatan yang agak berbeza dengan pengeluar kereta nasional sedia ada seperti Proton dan Perodua kerana bakal menggabungkan beberapa buah syarikat teknologi dan pembekal tempatan bagi menghasilkan sebuah kenderaan.

SOALAN NO. 72

Pengeluar kereta terdahulu sering bersaing untuk mengeluarkan kereta yang paling cantik dan menarik. Akan tetapi pada masa sekarang dan masa hadapan, pengeluar kereta bersaing untuk memperkenalkan teknologi terbaru yang lebih canggih dan terkini. Ini adalah salah satu daripada beberapa perubahan yang akan berlaku di peringkat global yang akan memberi impak yang besar kepada industri automotif.

Disamping itu, kereta pesat berkembang di pasaran maju dan menjadi sebahagian daripada platform mobiliti dengan teknologi bateri, sensor dan komunikasi memecahkan sempadan. Manakala, generasi muda mempunyai sikap yang berbeza ke arah mobiliti, pemilikan kereta dan jenama. Faktor-faktor ini dan lain-lain mengganggu rantai nilai tradisional sektor automotif.

Oleh itu, projek kereta nasional baharu menyediakan peluang bagi syarikat berpangkalan di Malaysia untuk mengambil bahagian dan meletakkan diri mereka di barisan hadapan perubahan ini.

Justeru itu, ini adalah antara strategi bagi memastikan daya saing untuk projek kereta nasional baharu untuk pasaran tempatan dan serantau malah untuk menembusi pasaran global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 73

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status cadangan pembinaan Lapangan Terbang Kulim (jika ada) dan rasionalnya bagi tempoh jangka panjang. Jelaskan juga status projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan kadar sewaan premis yang dikenakan dalam tempoh 10 tahun sehingga 2018.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan lapangan terbang baharu di Kulim pernah dibuat sebelum ini. Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah melantik KPMG Consulting and Risk Management Sdn Bhd (KPMG) untuk menjalankan kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baharu di Utara Malaysia. Hasil dapatan tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) pada 14 Disember 2015. Dalam hubungan ini, mengambil kira kedudukan kewangan dan keutamaan pelaksanaan projek-projek yang lain, Kerajaan pada masa itu masih belum membuat keputusan untuk meneruskan pelaksanaan pembinaan lapangan terbang baharu Kulim ini.

NO. SOALAN: 73

2. Kerajaan kini mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam sebarang cadangan daripada mana-mana pihak untuk membantu merencanakan ekonomi negara termasuk cadangan untuk membina lapangan terbang baharu di Kulim, Kedah. Pendirian Kerajaan adalah untuk menyokong pertumbuhan industri logistik di Kedah. Sehubungan itu, cadangan berhubung pembinaan lapangan terbang baharu di Kulim akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk penelitian Kerajaan.
3. Berhubung soalan mengenai Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), secara amnya LTAPP sedia ada direkabentuk untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun. Namun jumlah penumpang yang dikendalikan pada tahun 2018 di LTAPP telah mencapai sebanyak 7.8 juta penumpang iaitu 120% daripada kapasiti sedia ada.
4. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan komited untuk menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di LTAPP. Kementerian Pengangkutan sedang mempertimbangkan beberapa opsyen untuk memperbesarkan LTAPP dengan meneroka beberapa pilihan termasuk membangunkan ruang tambahan untuk operasi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh dan penerbangan tambang murah di bangunan terminal sedia ada. Pembangunan ruang tambahan ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian terminal LTAPP daripada 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang setahun.
5. Bagi menampung kos pembesaran LTAPP, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan bersama-sama MAHB sedang mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang *cost effective*.
6. Sehingga kini, MAHB telah melantik perunding pada 15 Februari 2019 melalui tender terbuka dan pihak perunding tersebut sedang membuat kerja-kerja rekabentuk dan sebagainya. Projek ini dijadualkan akan bermula pada Jun 2020 dan dijangka mengambil masa 36 bulan untuk disiapkan.

7. Berhubung kadar sewaan *premis per meter square* yang dikenakan dalam tempoh 10 tahun (sehingga 2018) ianya adalah seperti berikut:

i. Purata kadar sewa untuk *retail segment* (kedai pakaian, kedai cenderamata dan sebagainya) adalah diantara RM5,700 sehingga RM7,100;

ii. Purata kadar sewa untuk *food and beverages segment* (café, restoran makanan segera dan sebagainya) adalah RM1,100 sehingga RM2,200; dan

iii. Manakala purata kadar sewa untuk *services segment* (bank, kiosk teksi / limo dan sebagainya) adalah RM1,700 sehingga RM2,100)

8. Untuk makluman, kontrak penyewaan premis di LTAPP ini adalah selama 3 tahun dan kadar sewaan ini ditawarkan oleh penyewa / pembida sewaktu proses tender terbuka dan pihak Malaysia Airports akan memilih kadar sewaan yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 74

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini hospital lama Kuala Krai. Apakah perancangan pihak Kementerian untuk hospital tersebut dan bilakah ianya akan bermula.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Hospital Kuala Krai telah dipindahkan operasinya ke hospital baru di KM 6, Lebuhraya Kuala Krai – Gua Musang pada 2hb September 2018. Pada masa ini, Hospital Kuala Krai lama tidak lagi beroperasi memandangkan kesemua perkhidmatan klinikal telah dipindahkan ke fasiliti baru. Walaubagaimanapun, fasiliti kuarters bagi staf kesihatan masih lagi digunapakai dan infrastruktur hospital itu masih lagi diselenggara oleh syarikat konsesi serta dikawal oleh pihak keselamatan.

Kementerian Kesihatan sememangnya mempunyai perancangan untuk mengubahsuai dan menggunkapakai semula Hospital Kuala Krai lama. Antara perancangan yang telah dibuat adalah:

- i. Cadangan untuk menyediakan perkhidmatan rawatan Psikiatri yang merangkumi kemudahan wad, klinik dan pentadbiran. Kementerian sedang memohon peruntukan untuk mengubahsuai sebahagian ruang di hospital lama bagi memenuhi keperluan bagi perawatan pesakit psikiatri.
- ii. Sebahagian bangunan kuarters akan digunapakai bagi membangunkan Klinik Pakar Pergigian *Non-Hospital Based* berserta dengan Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Krai.
- iii. Selain itu, Kementerian ini juga bercadang untuk menjadikan sebahagian daripada hospital ini sebagai Pusat Rehabilitasi bagi penduduk Daerah Kuala Krai selain mewujudkan tempat penyimpanan Rekod Perubatan Pesakit secara berpusat bagi Hospital Kuala Krai, Hospital Gua Musang dan Hospital Jeli.

Perancangan untuk memulakan semua perkhidmatan ini bergantung kepada kecukupan sumber kewangan dan tenaga kerja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 12.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 75

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan kenapakah berlaku pengurangan tenaga kerja kebersihan sekolah di Terengganu, khususnya di Dungun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat semakan semula norma perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) selaras dengan pelaksanaan *zero-based budgeting* untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan pada tahun 2019. Sehubungan itu, KPM telah mengambil inisiatif seperti berikut;

1. menyemak semula keperluan perkhidmatan KBK di Sekolah Kurang Murid (SKM)/sekolah/institusi pendidikan di kawasan pedalaman; dan
2. mengkaji semula kontrak perkhidmatan KBK yang sedang berkuat kuasa tanpa menunggu kontrak tamat, termasuk pertimbangan melanjutkan tempoh kontrak menggunakan norma baharu; dan
3. melaksanakan kajian berhubung pelaksanaan perkhidmatan KBK oleh individu secara lantikan berdasarkan keperluan dan penerapan budaya gotong-royong di sekolah/institusi pendidikan.

KPM juga telah mengkaji semula pelaksanaan kontrak perkhidmatan termasuk KBK supaya lebih efisien serta pada nilai terendah yang menguntungkan kerajaan. Kriteria penetapan adalah berdasarkan kepada keluasan, bilangan bangunan, bilangan aras dan bilangan kubikel tandas bagi setiap kategori premis sebagaimana formula yang telah ditetapkan. Secara rumusannya, bilangan pekerja kebersihan bagi semua sekolah/premis di bawah KPM seluruh Malaysia adalah berkurang kerana mengguna pakai formula pengiraan yang sama bagi kontrak yang bermula pada 1 Januari 2019.

Sekian, terima kasih

RJM 08

SENARAI PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PERLIMEN KE-14
DEWAN RAKYAT
11 MAC HINGGA 11 APRIL 2019

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS @
TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : **12 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN : **76**

Datuk Zakaria bin Mohd Edris @ Tubau [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sudah berapa kali jawatankuasa pemandu yang ditubuh pada tahun 2018 bagi menyemak semula Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) mengadakan mesyuarat dan apakah perkembangan mutakhir usaha Kerajaan Persekutuan ke arah mengembalikan hak Sarawak dan Sabah di Malaysia, memandangkan tempoh hanya enam bulan diberi kepada Jawatankuasa tersebut menyerahkan laporan kepada Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad telah dijalankan sebanyak dua kali iaitu pada 17 Disember 2018 dan 5 Mac 2019. Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan dari tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pertama untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya.

Berhubung dengan perkembangan mutakhir usaha Kerajaan Persekutuan ke arah mengembalikan hak Sarawak dan Sabah di Malaysia, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan skop kerja yang

telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
- b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
- d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.

Untuk makluman YB, pihak Jemaah Menteri pada 6 Mac 2019 telah bersetuju agar Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia disamakan sebagai rakan kongsi dan susulan daripada keputusan itu, pindaan perlembagaan terhadap Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 77

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan isu konflik ruang udara Malaysia - Singapura yang telah dibincangkan bersama wakil Kerajaan Singapura berikutan daripada pelaksanaan tatacara Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) Lapangan Terbang Seletar yang didakwa diterbitkan secara berat sebelah tanpa persetujuan daripada Malaysia yang sekaligus mengakibatkan pencerobohan kedaulatan ruang udara selatan Johor.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada 1 Disember 2018, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) telah menyiarkan tatacara Instrument Landing System (ILS) yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication* (SAIP) yang akan berkuatkuasa mulai 3 Januari 2019, tanpa persetujuan Malaysia.
2. Susulan tindakan tersebut, pada 5 Disember 2018, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah menyerahkan Nota Bantahan kepada Singapura melalui Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia. Nota Bantahan ini antara lain mendesak supaya Singapura menarik balik penyiaran tatacara ILS yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam SAIP.
3. Pada 12 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan kenyataan media yang antara lain menegaskan bahawa Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) tidak pernah bersetuju atau memberi sebarang kelulusan kepada CAAS terhadap penyiaran tatacara tersebut. Di samping itu, Malaysia turut mencadangkan supaya Singapura mewujudkan alternatif ILS untuk Landasan 03 di bahagian selatan Lapangan Terbang Seletar, Singapura tanpa perlu melalui ruang udara Pasir Gudang, Johor.
4. Pada 25 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah menyiarkan *Notice to Airmen* (NOTAM) bagi mewujudkan satu Kawasan Larangan Kekal (*permanent restricted area*) atau lebih dikenali sebagai R.A. di ruang udara Pasir Gudang, Johor (di antara 2,000 hingga 5,000 kaki) yang berkuatkuasa mulai 2 Januari 2019.

5. Penyiaran NOTAM tersebut adalah selaras dengan *Article 9(a) Convention of International Civil Aviation 1944 (Chicago Convention)* yang membenarkan sesebuah negara untuk mengisytiharkan '*restricted area*' atau '*prohibited area*' di ruang udara kedaulatannya atas sebab-sebab keperluan ketenteraan atau keselamatan awam. Ia juga adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, CAAM di bawah seksyen 24(o) Akta Penerbangan Awam 1969 untuk menyiarkan NOTAM berkenaan.
6. Pengisytiharan R.A adalah bagi membolehkan aktiviti ketenteraan dilaksanakan di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, pengisytiharan tersebut juga boleh menghalang kemungkinan sebarang pencerobohan ruang udara kedaulatan negara.
7. Pewujudan R.A. ini turut tidak akan menjejaskan operasi penerbangan pesawat yang menggunakan tatacara visual approach sedia ada untuk pendaratan melalui Landasan 21 di bahagian utara di Lapangan Terbang Seletar, Singapura.
8. Berdasarkan kepada tarikh kuatkuasa tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar pada 3 Januari 2019, Malaysia mewujudkan R.A. berkenaan dengan menyiarkan NOTAM dengan mengambil kira tempoh sekurang-kurangnya 7 hari mengikut piawaian antarabangsa bagi penguatkuasaan bermula pada 2 Januari 2019 .
9. Sejurus rundingan antara YB Menteri Luar Malaysia dan Menteri Luar Singapura pada 8 Januari 2019, kedua-dua prosedur ILS dan R.A. digantung secara serentak untuk tempoh sebulan agar penyelesaian terbaik dapat dicapai oleh kedua-dua pihak.
10. Pada mesyuarat peringkat Menteri Pengangkutan pada 23 Januari 2019, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melanjutkan penggantungan pelaksanaan ILS dan R.A. sehingga 31 Mac 2019 bagi memberi ruang kepada perbincangan dua hala yang sedang berlangsung antara Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) dan Civil Aviation Authority Singapura (CAAS). Setakat ini, CAAM dan CAAS telah mengadakan empat (4) mesyuarat untuk

membincangkan cadangan tatacara pendaratan alternatif iaitu *Required Navigation Performance* (RNP) bagi Lapangan Terbang Seletar.

11. Selanjutnya, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju untuk menubuhkan satu kumpulan kerja untuk membincangkan tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia yang diwakilkan kepada Singapura melalui Surat Perjanjian *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures and Overflights* (OLOA 1974). Terma rujukan bagi jawatankuasa ini sedang dirundingi oleh kedua-dua pihak.
12. Merujuk tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor yang selama ini (semenjak tahun 1974) diwakilkan kepada Singapura untuk tujuan penyediaan perkhidmatan kawalan trafik udara, pihak Kerajaan Malaysia pada 29 November 2018, 22 dan 23 Januari 2019 juga telah memaklumkan Singapura berkenaan rancangan Malaysia untuk mengambil balik ruang udara kedaulatannya secara berperingkat, iaitu peringkat pertama dijangka sekitar akhir tahun 2019 dan peringkat seterusnya pada tahun 2023.
13. Rancangan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor perlu dilakukan secara berperingkat bagi menyelaraskan tatacara perkhidmatan kawalan trafik udara antara pihak penyedia perkhidmatan pengemudian udara (air navigation services provider) di kedua-dua negara, demi menjamin pergerakan pesawat yang selamat, cekap dan teratur.
14. Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus terpelihara. Isu-isu yang melibatkan kepentingan strategik pengurusan ruang udara negara akan terus diberi perhatian utama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]

TARIKH : 12 Mac 2019 [Selasa]

SOALAN NO. 78

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah transformasi (tambah baik) yang telah dilaksanakan Kementerian Pertanian dalam meningkatkan pendapatan belia/golongan muda dalam bidang pertanian asas tani adakah telah memperkenalkan skim perlindungan Takaful demi menjamin masa depan mereka seperti yang di war-warkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan golongan belia/golongan muda dalam sektor agromakanan adalah sangat penting, terutama dalam menangani cabaran yang dihadapi pada masa ini berhubung peratusan yang tinggi penglibatan golongan petani berumur dan pekerja asing.

Menyedari keperluan tersebut, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama agensi di bawahnya. Program tersebut yang berdasarkan pendekatan holistik merangkumi pembangunan modal insan, penyediaan insentif dalam bentuk dana bantuan dan pembiayaan serta khidmat sokongan dan nasihat. Di samping itu, pelbagai teknologi moden dalam pengeluaran pertanian, pemprosesan dan pemasaran telah juga diperkenalkan kepada golongan belia dan muda. Objektif utama pelaksanaan program tersebut adalah untuk menarik minat belia menceburi bidang agromakanan dan memastikan bidang yang diceburi dapat memberi pulangan lumayan kepada mereka.

Antara program tersebut yang telah memberi impak positif kepada belia dan golongan muda adalah seperti berikut:

1. Program Latihan

Pelbagai program latihan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diselaraskan oleh Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian. Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) menawarkan 9 bidang pembelajaran, antaranya tanaman, ruminan, akuakultur, teknologi penangkapan ikan dan pemasaran. Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 1969 sehingga tahun 2018, seramai 18,480 orang graduan telah berjaya dihasilkan.

Program MyAgrosis pula dilaksanakan bagi melahirkan kelompok usahawan siswazah tani dalam kalangan institusi tinggi awam dan swasta. Mereka ini dibimbing oleh agensi yang terlibat bersama-sama

pensyarah di IPTA/IPTS bagi memantau projek pertanian oleh pelajar-pelajar yang menjadi ahli Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis). Selain itu, salah satu pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pula adalah melatih golongan belia dengan memberi kursus kemahiran jangka masa panjang (6 bulan) dan jangka masa pendek (3 hari) berkaitan pemprosesan makanan berasaskan pertanian.

2. Insentif Dana dan Pembiayaan

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, (MOA) juga menyediakan insentif dana dan pembiayaan kepada golongan muda. Sebagai contoh, Program Agroprenur Muda (PAM) yang telah bermula sejak dari tahun 2014 sehingga kini menyediakan geran untuk perolehan input pertanian bernilai sehingga RM20,000 bagi setiap projek. Manakala bagi pembiayaan pula, agensi pembiaya seperti Agrobank dan TEKUN Nasional menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Mudah sehingga RM200,000 untuk projek pertanian kepada golongan belia.

3. Teknologi

Kementerian juga telah memperkenalkan penggunaan teknologi digital sebagai langkah untuk memodenkan sektor pertanian dengan menggalakkan penggunaan aplikasi mudah alih menggunakan peralatan seperti telefon pintar, iPad dan lain-lain yang dibangunkan oleh MARDI, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan FAMA. Sebagai contoh, MARDI telah berjaya menghasilkan 25 aplikasi mudah alih yang digunakan sebagai panduan dan sebagai alat bantuan (*tools*) kepada petani dalam usaha untuk memodenkan pertanian negara dan meningkatkan produktivi petani.

Dari segi khidmat sokongan penggunaan teknologi, Jabatan Pertanian (DOA) juga telah memperkenalkan aplikasi yang bertujuan untuk mentransformasi perkhidmatan pengembangan pertanian yang boleh dicapai dengan cepat dan mudah tanpa mengira masa dan tempat.

Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dalam subsektor tanaman, sebanyak 13 perkhidmatan secara online telah disediakan di bawah DOA. Dalam sektor perikanan pula, Sistem Penentuan Kawasan Berpotensi bagi Penangkapan Ikan (*Potential*

Fishing Site Identification System, FSI) telah dibangunkan dengan menggunakan teknologi *remote sensing*, GIS dan teknologi berkaitan. Dengan adanya maklumat lokasi kedapatan ikan sebelum turun ke laut, nelayan boleh terus ke lokasi penangkapan ikan dan ini menjimatkan kos keseluruhan operasi (minyak dan masa) berbanding kaedah lazim.

4. Pemasaran

Bagi pemasaran, Program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) telah diperkenalkan oleh FAMA sebagai program transformasi dalam meningkatkan pendapatan belia atau golongan muda dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Program NBME ini adalah kerjasama di antara FAMA (portal *AgroBazaar Online*), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bersama ahli Kelab MyAgrosis khususnya dan pelajar amnya serta usahawan industri asas tani (IAT). Sehingga kini, sebanyak 15 Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta terlibat dalam program ini dengan penyertaan seramai 1,694 pelajar. Jumlah transaksi yang dicatatkan setakat ini ialah sejumlah RM140 ribu. Program ini akan diteruskan ke seluruh negara dengan sasaran penyertaan seramai 13,000 pelajar.

Berkaitan dengan skim perlindungan untuk petani dalam sektor agromakanan, MOA sedang dalam proses menyediakan cadangan model perlindungan yang sesuai. Skim ini akan meliputi semua petani yang layak dan tidak terhad kepada golongan belia sahaja. Objektif skim ini adalah bagi membantu petani yang mengalami kerugian hasil pengeluaran akibat bencana supaya dapat memulakan semula aktiviti pertanian mereka.

Skim ini dijangka akan bermula dengan fokus kepada subsektor padi. Pada masa ini, skim ini sedang dalam penelitian peringkat akhir dan dijangka akan dilancarkan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]
TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 79

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejak Akta Akauntan 1967 diperkenalkan :-

(a) berapa orang yang telah diambil tindakan kerana menggunakan gelaran akauntan secara tidak sah dan melanggar Seksyen 25(e) akta tersebut dan siapakah mereka; dan

(b) adakah mana-mana ahli Institusi Akauntan Malaysia (MIA) telah dilucutkan keahliannya kerana menjalani hukuman penjara. Jika ya, berapa ramai dan siapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Seksyen 25(e) Akta Akauntan 1967 memperuntukkan tentang amalan penipuan seperti berikut:

"mana-mana orang yang menyamar sebagai ahli institut atau membeli, menjual atau secara menipu memperolehi sijil keahlian yang dikeluarkan di bawah Akta ini".

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada kes yang didaftar bagi penyamaran sebagai ahli institut. Terdapat 7 kes yang diambil tindakan atas kesalahan memperolehi sijil keahlian secara menipu menggunakan sijil ijazah palsu.

(b) Satu orang ahli MIA yang telah dihukum penjara oleh mahkamah dan telah dilucutkan keahlian MIA mulai 26 Februari 2019 iaitu:

Mr Alan Rajendram A/L Jeya Rajendram (MIA Mem. No. 9817)

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

**DARIPADA : Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang
[Marang]**

SOALAN : 80

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap cadangan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyasat dakwaan salah laku beberapa hakim kanan negara sebagaimana dilaporkan dalam affidavit Hakim Mahkamah Rayuan Hamid Sultan Abu Backer.

**JAWAPAN: YB Datuk Liew Vui Keong
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada 20 Februari 2019 telah bersetuju dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi membuat siasatan berhubung dengan dakwaan salah laku hakim-hakim kanan melalui affidavit oleh YA Datuk Dr. Haji Hamid Sultan bin Abu Backer, Hakim Mahkamah Rayuan. Tindakan mengenai penubuhannya adalah selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119]. Di bawah Seksyen 2 Akta tersebut, secara jelas menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh, jika didapatinya suai manfaat mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih bagi melaksanakan siasatan tersebut.

2. Selepas siasatan selesai dijalankan, Suruhanjaya Siasatan Diraja ini akan kemukakan satu laporan kepada Kerajaan yang turut mengandungi apa-apa tindakan yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MUHAMMAD SHAHAR BIN
ABDULLAH [PAYA BESAR]

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 81

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan:-

- a) apakah jaminan yang boleh diberikan Kementerian bahawa cukai yang dikenakan kepada syarikat penyedia perkhidmatan penstriman video tempatan dan luar negara seperti Netflix dan Iflix yang berkuatkuasa tahun 2020 tidak akan memberi kesan langsung kepada rakyat seperti kenaikan harga; dan
- b) apakah tindakan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menapis kandungan video (*video content*) di bawah klasifikasi 18SG, 18SX yang disiarkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan penstriman video luar negara

JAWAPAN

(a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pengenaan cukai ke atas semua aktiviti perniagaan adalah berdasarkan prinsip kesaksamaan. Ini bermakna, tidak ada perbezaan dalam layanan cukai ke atas perniagaan yang dijalankan secara atas talian atau pun secara konvensional. Menurut seksyen 4 Akta Cukai Pendapatan 1967, pendapatan suatu perniagaan layak dikenakan cukai pendapatan setelah mengambil kira semua perbelanjaan yang layak dibenarkan dalam perniagaan dan pelepasan cukai yang layak dituntut oleh peniaga tersebut. Sekiranya sesuatu aktiviti perniagaan itu dijalankan di Malaysia, pendapatan yang berpunca dari operasi perniagaan tersebut dianggap terbit dari Malaysia, dan akan dikenakan cukai mengikut kadar cukai sedia ada yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
2. Kenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital yang diimport adalah untuk memastikan layanan yang adil di antara perkhidmatan yang dibekalkan oleh penyedia perkhidmatan dalam dan luar negara. Mengenai kesan kepada harga berikutan kenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital, adalah didapati bahawa elemen cukai bukanlah merupakan faktor tunggal yang mempengaruhi perubahan kepada harga sesuatu perkhidmatan. Terdapat beberapa faktor lain yang boleh menyumbang kepada perubahan harga perkhidmatan tersebut seperti permintaan pelanggan dan penawaran serta kadar tukaran mata wang asing.
3. Kementerian Kewangan juga sedang menjalankan kajian terperinci berhubung mekanisma dan model percukaian yang sesuai berhubung pengenaan cukai ke atas syarikat seperti *Netflix* dan *Iflix* memandangkan model perniagaan kedua-dua syarikat tersebut tidak memerlukan kewujudan operasi secara fizikal di negara ini yang membolehkan pendapatannya dicukai di Malaysia. Kerajaan juga sedang mengikuti dengan teliti kajian yang sedang

dibuat oleh pihak *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) berhubung pengenalan sistem cukai bagi ekonomi digital dan hasil kajian tersebut boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh lain-lain negara termasuk Malaysia.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pemberian aplikasi kandungan Internet seperti perkhidmatan penstriman video adalah dikecualikan dari rangkakerja perlesenan seperti yang dinyatakan dalam Perintah Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) (Pengecualian) 2000 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998):

“ 6. Perkhidmatan aplikasi kandungan yang dikecualikan

Seseorang yang memberi apa-apa perkhidmatan aplikasi kandungan Internet adalah dikecualikan daripada memegang suatu lesen individu atau mendaftar di bawah lesen kelas di bawah Akta.”

2. Penyedia perkhidmatan penstriman video tempatan dan luar negara di ASEAN telah berkerjasama dalam mengeluarkan satu *“Self Regulatory Code”* bagi perkhidmatan penstriman video langganan dalam memenuhi kepentingan pengguna di rantau ini. Kod ini merupakan rangka kerja kawal selia sendiri secara sukarela dalam memastikan kandungan yang disediakan dalam perkhidmatan adalah selari dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan antaranya berkenaan kandungan terlarang, kandungan sensitif dan tidak bersesuaian dengan usia.
3. Selain itu, Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan) turut menggariskan garis panduan dan tatacara bagi amalan dan piawai kandungan yang baik secara kawalan sendiri (self regulation) oleh pemberi-pemberi perkhidmatan industri komunikasi dan multimedia di Malaysia.

4. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengalu-alukan inisiatif kawal selia sendiri yang dilaksanakan oleh penyedia perkhidmatan penstriman video ini dan akan mengadakan libat urus (*engagement*) dengan mereka secara berterusan berkenaan standard kandungan di Malaysia seperti terkandung di dalam Kod Kandungan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 82

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan mengesahkan sama ada benar atau tidak FELDA mempunyai tanah sekitar daerah Melaka Tengah dan, jika benar, berapakah luasnya, harga belian, harga jualan, dan bilakah ianya dibeli dan dijual serta bagi tujuan apakah hasil jualan tersebut telah digunakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA mempunyai sebidang tanah di Lot No. 6934, Mukim Bukit Katil, Melaka. Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 299 bertarikh 26 Mac 2013 telah bersetuju dengan cadangan pembelian tanah ini bagi tujuan pembangunan projek komersial dengan harga RM304 juta. Perjanjian Jual Beli telah ditandatangani pada 19 April 2013.

2. Hartanah ini diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan dizonkan sebagai Kawasan Perumahan. Perincian bagi tanah ini adalah seperti berikut :-

No. Hak Milik	-	43209
Negeri	-	Melaka
Daerah	-	Melaka Tengah
No. Lot	-	Lot 6934
Luas Lot	-	259.4 Hektar (640.991 Ekar)
Guna Tanah	-	Bangunan
Syarat Nyata	-	Bangunan Perniagaan
Cukai Tahunan	-	RM2,334,600.00
Jenis Hak Milik	-	Pajakan 99 tahun, berakhir pada 27 Januari 2096

3. Tanah ini akan dibangunkan oleh syarikat milik FELDA iaitu ENCORP BERHAD (EB) melalui Perjanjian Pembangunan yang ditandatangani pada 20 Januari 2016. Tempoh pembangunan tanah ini akan memakan masa selama 13 tahun.

4. Walau bagaimanapun, sehingga kini kerja-kerja fizikal di tapak belum bermula dan hanya kerja-kerja di peringkat perancangan serta urusan tanah di peringkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) serta kerja-kerja mendapatkan Kelulusan Pembangunan (DO) di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan itu, tiada

NO. SOALAN : 82

sebarang bayaran yang diterima daripada pemaju kepada FELDA sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

12 Mac 2019